




PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)

DR. 26 TAHUN 2026



**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN/ AGENSI
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN
BERHUBUNG
PENGURUSAN PEROLEHAN
LADANG SAWIT OLEH LEMBAGA PENYATUAN
DAN PEMULIHAN TANAH PERSEKUTUAN
(FELCRA) DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN
DESA DAN WILAYAH (KKDW)
(DR. 9 TAHUN 2026)**





AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-15

YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi

YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi

YB Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]

YB Puan Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

YB Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

YB Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]

YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Sekijang]

YB Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]

YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]

YB Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]

YB Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

YB Datuk Ali anak Biju [Saratok]

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC/
Setiausaha Dewan Rakyat

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Kementerian Ekonomi (KE)

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Jabatan Audit Negara (JAN)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Penasihat Undang-Undang (PUU) Parlimen Malaysia

KANDUNGAN

MUKA SURAT 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 2 - 6

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 7 - 36

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

MUKA SURAT 36

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN/ AGENSI
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN
BERHUBUNG
PENGURUSAN PEROLEHAN
LADANG SAWIT OLEH LEMBAGA PENYATUAN DAN
PEMULIHAN TANAH PERSEKUTUAN (FELCRA) DI
BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN
WILAYAH (KKDW)
(DR. 9 TAHUN 2026)**





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN/ AGENSI BAGI
SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PENGURUSAN PEROLEHAN LADANG SAWIT OLEH LEMBAGA
PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH PERSEKUTUAN (FELCRA)**

DI BAWAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
(DR. 9 TAHUN 2026)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Pengurusan Perolehan Ladang Sawit Oleh Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 - Aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan Persekutuan.
- 1.2. Berdasarkan laporan tersebut didapati bahawa terdapat ketakteraturan serius dan kelemahan tatakelola dalam proses perolehan, penilaian harga dan hasil sawit serta pematuhan kepada kontrak perjanjian bagi perolehan 4 ladang sawit yang terdiri daripada satu (1) ladang sawit di Sandakan, Sabah iaitu Estet Telupid, dan tiga (3) ladang sawit di Gua Musang, Kelantan, iaitu Estet Dabong, Estet Sg. Rawit 2 dan Estet Aring.
- 1.3. PAC mengadakan mesyuarat prosiding berhubung isu ini sebanyak sembilan (9) kali mulai 21 Ogos 2025 sehingga 3 November 2025 yang bertujuan untuk mengkaji serta meneliti isu-isu berhubung Pengurusan Perolehan Ladang Sawit Oleh FELCRA yang telah dibangkitkan di dalam LKAN 2/2025 tersebut.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. PAC telah membentangkan Penyata PAC Parlimen bertajuk Pengurusan Perolehan Ladang Sawit Oleh FELCRA di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) (DR. 9/2026) pada 3 Mac 2026 di Dewan Rakyat.

2.2. Dalam penyata berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan sembilan (9) syor yang perlu diambil tindakan oleh KKDW dan FELCRA Berhad iaitu:

- i. **Syor 1:** FELCRA perlu melaksanakan penilaian bebas (*independent valuation* dan *due diligence*) oleh perunding luar bertauliah untuk semua perolehan ladang-ladang komersial baharu. Sebarang pelanggaran SOP baharu yang mewajibkan penilaian pihak ketiga selepas tarikh kuat kuasa SOP iaitu pada 15 Ogos 2025 mesti dikenakan tindakan tatatertib atau perundangan yang tegas tanpa kompromi.
- ii. **Syor 2:** KKDW perlu meluaskan skop kawal selia dan pemantauan bagi merangkumi tadbir urus dan keputusan perolehan aset strategik, termasuk perolehan yang dibiayai menggunakan dana dalaman syarikat, bukan hanya terhad kepada projek peruntukan pembangunan (DE).
- iii. **Syor 3:** FELCRA hendaklah mematuhi SOP baharu yang telah dikuatkuasakan yang mana garis masa minimum ditetapkan dalam tempoh masa 15-30 hari untuk menandatangani perjanjian perolehan ladang-ladang komersial baharu.
- iv. **Syor 4:** FELCRA hendaklah melaksanakan audit dalaman secara sukuan tahun bagi menyemak pematuhan 100% terhadap SOP yang diperkukuhkan khususnya melibatkan penilaian bebas oleh pihak ketiga serta keperluan untuk wakil-wakil kementerian hadir secara fizikal dalam mesyuarat yang mempertimbangkan perolehan ladang-ladang komersial baharu. Audit ini perlu dibentangkan untuk pertimbangan lanjut Lembaga Pengarah FELCRA.
- v. **Syor 5:** FELCRA dikehendaki menyemak semula dan membuat pengiraan secara terperinci bagi unjuran Pulangan Pelaburan (ROI) yang realistik menggunakan kaedah yang lebih wajar dan mengambil kira segala kos yang terlibat.

- vi. **Syor 6:** FELCRA perlu memastikan program pemulihan ladang yang kurang berdaya maju diteruskan dan diperluaskan dengan pelan pemantauan prestasi yang lebih ketat dan berasaskan KPI yang jelas. Ini bagi memastikan pelaburan yang telah dibuat menghasilkan pulangan yang baik seperti yang telah disasarkan dan secara langsung menyumbang kepada keuntungan syarikat.
 - vii. **Syor 7:** FELCRA hendaklah merangka dan melaksanakan pelan strategik jangka sederhana dan panjang dengan sasaran yang jelas untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui pelan mekanisasi yang komprehensif dan penyediaan kemudahan asas yang lebih baik bagi menarik tenaga kerja tempatan.
 - viii. **Syor 8:** KKDW dan FELCRA perlu menilai dan menetapkan semula sasaran perolehan *land bank* yang lebih realistik, dengan mengambil kira keupayaan kewangan FELCRA, serta pelan perolehan yang jelas dan jaminan sumber pembiayaan yang mencukupi untuk mengelakkan risiko kepada kelestarian kewangan syarikat menampung kos operasi jangka panjang.
 - ix. **Syor 9:** MOF dan KKDW hendaklah memperkasakan keanggotaan Lembaga Pengarah dengan melantik pihak luar yang merangkumi pelbagai kepakaran bagi memantapkan tadbir urus FELCRA.
- 2.3. Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh KKDW dan FELCRA Berhad selepas Penyata PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 2.4. MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim terhadap Syor-syor Penyata PAC berhubung Pengurusan Perolehan Ladang Sawit Oleh FELCRA di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) (DR. 9/2026) kepada PAC pada 2 April 2026. Seterusnya, MOF telah

mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Penyata PAC tersebut pada 8 Mei 2026.

2.5. Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Perolehan Ladang Sawit Oleh FELCRA di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) (DR. 9/2026) pada 22 Jun 2026 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
- iii. Seksyen 5 (3)(d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

2.6. Kronologi tindakan susulan yang telah diambil KKDW dan FELCRA Berhad terhadap Syor-Syor Penyata PAC Parlimen berhubung Pengurusan Perolehan Ladang Sawit Oleh FELCRA di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) (DR. 9/2026) adalah seperti jadual berikut:

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN/ AGENSI
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEROLEHAN LADANG SAWIT OLEH FELCRA (DR. 9/ 2026)

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	3 Mac 2026 (Selasa)/ 10.00 pagi	Pembentangan Penyata PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	2 April 2026 (Khamis)	Laporan Tindakan Susulan Interim - Pengurusan Perolehan Ladang Sawit Oleh FELCRA di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) (DR. 9/2026) telah dikemukakan oleh MOF.
3.	16 April 2026 (Khamis)	Lawatan Verifikasi – Perolehan Ladang Sawit Oleh FELCRA ke Estet Telupid, Sandakan oleh MOF.
4.	8 Mei 2026 (Jumaat)	Laporan Tindakan Susulan Mukamad - Pengurusan Perolehan Ladang Sawit Oleh FELCRA di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) (DR. 9/2026) telah dikemukakan oleh MOF.
5.	22 Jun 2026 (Isnin)/ 2.30 petang	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Penyata PAC Parlimen (DR.9/2026). Saksi: i. Kementerian Kewangan (MOF) - Datuk Hajah Shahrizat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) ii. Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) - Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha iii. FELCRA Berhad - Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid, Ketua Pegawai Eksekutif

**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR. 9 TAHUN 2026)**



3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN (DR. 9/ 2026)

- 3.1. Syor 1: FELCRA perlu melaksanakan penilaian bebas (*independent valuation* dan *due diligence*) oleh perunding luar bertauliah untuk semua perolehan ladang-ladang komersial baharu. Sebarang pelanggaran SOP baharu yang mewajibkan penilaian pihak ketiga selepas tarikh kuat kuasa SOP iaitu pada 15 Ogos 2025 mesti dikenakan tindakan tatatertib atau perundangan yang tegas tanpa kompromi.**

Maklum Balas KKDW/ FELCRA Berhad:

- 3.1.1. FELCRA Berhad menyambut baik syor PAC yang menekankan mengenai keperluan untuk melaksanakan penilaian bebas (*independent valuation* dan *due diligence*) oleh perunding luar bertauliah untuk perolehan ladang-ladang komersil baharu.
- 3.1.2. Sehubungan itu, FELCRA Berhad telah menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) Pernerolehan Tanah/Estet Baru yang antara lain mewajibkan penilaian daya maju disokong oleh perunding luar (*agronomist*) serta mewajibkan laporan perunding luar ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sebelum keputusan berkaitan perolehan dibuat.
- 3.1.3. SOP yang ditambahbaik ini telah diluluskan pada 15 Ogos 2025 dan diperakukan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah FELCRA Berhad Bil. 246 pada 9 Mac 2026 dan berkuatkuasa serta merta.
- 3.1.4. Berdasarkan SOP Pemerolehan Tanah/Estet Baru FELCRA Berhad yang telah ditambahbaik ini, ringkasan proses kerja yang terlibat adalah seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Pelaksana Pemerolehan Tanah/Estet Komersial akan membentangkan Laporan Kajian Kesesuaian Awalan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemerolehan Tanah/Estet Komersial yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad;
 - b) Selepas itu, lantikan Perunding Luar dan Perunding Anak Syarikat akan dilaksanakan bagi tujuan melaksanakan penilaian daya maju (*due-diligence*) serta penilaian nifai pasaran secara objektif sebelum membuat sebarang keputusan perolehan;
 - c) Laporan perunding luar akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sebagai dokumen sokongan penting dalam membuat keputusan pelaburan. Kajian menyeluruh juga akan dilaksanakan bagi menilai aspek kewangan sebelum memuktamadkan sebarang kelulusan.
- 3.1.5. SOP Pemerolehan Tanah/Estet Baru yang telah ditambahbaik perlu dipatuhi sepenuhnya oleh semua pegawai yang terlibat di dalam tugas ini. Sebarang pelanggaran terhadap SOP akan dikenakan tindakan sewajarnya berdasarkan kepada punca kuasa yang berkaitan.
- 3.1.6. Dalam konteks ini, FELCRA Berhad merujuk kepada Polisi Dokumen Dalam (IDP) yang dibaca bersekali dengan Peraturan – Peraturan Kelakuan dan Tatatertib FELCRA Berhad dan Prosedur Tatatertib FELCRA Berhad Tahun 2020.
- 3.1.7. IDP merupakan dokumen sokongan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah, Bil 196/2021 bertarikh 20 Ogos 2021 dan dipinda melalui kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 213/2023 pada 30 Mei 2023. Sebarang pelanggaran SOP oleh mana-mana pihak akan disiasat di bawah klausa 11.0 (Pematuhan) Polisi Dokumen Dalam (IDP) v2/2023 yang berkuatkuasa pada 30 Mei 2023.

- 3.1.8. Polisi ini terpakai kepada semua bahagian dalam FELCRA Berhad dan Kumpulan Syarikat dan perlu sentiasa dipatuhi dalam apa jua keadaan. Sebarang pelanggaran terhadap Polisi hendaklah disifatkan sebagai kesalahan disiplin dan akan dikenakan tindakan tatatertib.
- 3.1.9. Buat masa ini, FELCRA tidak merancang untuk melaksanakan pembelian estet komersil baharu bagi memberikan tumpuan kepada proses penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) serta pemantapan hala tuju strategik syarikat dalam urusan pemerolehan estet baharu. Langkah ini juga diambil bagi memastikan setiap pelaksanaan dapat dijalankan secara lebih teratur, telus dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan selaras dengan prinsip integriti.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum berhubung penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pemerolehan Tanah/Estet Baru oleh FELCRA Berhad yang mewajibkan laporan penilaian daya maju daripada perunding agronomis luar dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan sebarang pelanggaran terhadap SOP yang telah ditetapkan bakal berdepan dengan tindakan perundangan atau disiplin yang tegas berpandukan klausa di dalam Polisi Dokumen Dalaman (IDP) serta Peraturan-Peraturan Kelakuan dan Tatatertib FELCRA Berhad 2020.

Namun begitu, memandangkan tiada sebarang perolehan aset komersial baharu dilaksanakan, PAC berpendapat tahap keberkesanan dan kepatuhan terhadap SOP yang diperkukuh ini masih belum dapat dibuktikan. PAC menegaskan bahawa pematuhan mutlak terhadap peraturan tersebut adalah amat kritikal bagi memastikan kemampuan operasi FELCRA dalam jangka masa panjang dan tidak menjejaskan sasaran 30,000 hektar yang ditetapkan dalam Pelan Transformasi.

- 3.2. Syor 2: KKDW perlu meluaskan skop kawal selia dan pemantauan bagi merangkumi tadbir urus dan keputusan perolehan aset strategik, termasuk perolehan yang dibiayai menggunakan dana dalaman syarikat, bukan hanya terhad kepada projek peruntukan pembangunan (DE).**

Maklum Balas KKDW/ FELCRA Berhad:

- 3.2.1. Jemaah Menteri bertarikh 11 Ogos 2021 telah memutuskan Pelaksanaan Transformasi FELCRA Berhad. FELCRA Berhad telah melaksanakan pemisahan akaun dan fungsi antara Kumpulan Mandat Sosial dan Kumpulan Komersial. KKDW selaku Kementerian Kawal Selia dipertanggungjawabkan bagi menyelaras mandat sosial yang melibatkan peserta-peserta manakala MOF selaku Pemegang Saham utama (99%) dipertanggungjawabkan bagi memastikan syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] menjalankan aktiviti selaras dengan objektif penubuhan syarikat termasuklah aktiviti komersial.
- 3.2.2. Selain itu, pemantauan KKDW terhadap FELCRA juga merangkumi aspek pelaksanaari dasar serta hala tuju Kerajaan, memantau prestasi, tatakelola dan pengurusan kewangan bagi memastikan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan melalui mesyuarat-mesyuarat yang turut disertai oleh FELCRA Berhad seperti berikut:
- a) Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KKDW yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri (TPM) merangkap Menteri KKDW. Kekerapari mesyuarat adalah 2 (dua) minggu sekali dengan agenda utama bagi membincangkan pelaksanaan inisiatif kerajaan, gerak kerja serta perkembangan isu semasa berkaitan dengan kepentingan negara dan rakyat bagi memastikan objektif pembangunan desa dicapai;
 - b) Bengkel Pemukiman Syarikat Milikan Agensi KKDW yang dipengerusikan oleh YAB TPM. Kekerapan mesyuarat adalah sekali setahun. Bengkel ini bertujuan menetapkan dan memantau prestasi syarikat secara menyeluruh berdasarkan

Petunjuk Utama Prestasi (KPI) termasuk menetapkan hala tuju pelan pelaksanaan syarikat.

- c) Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KKDW. Kekerapan mesyuarat adalah 3 (tiga) kali setahun dengan tujuan memperkuat integriti, tadbir urus terbaik, dan pengurusan aduari berkesan pada peringkat kementerian serta agensi bawah KKDW; dan
- d) Mesyuarat Pengurusan Kanan KKDW yang dipengerusikan oleh KSU KKDW. Kekerapan mesyuarat adalah 2 (dua) minggu sekali yang melibatkan agensi-agensi bagi membincangkan hala tuju, dasar, operasi, dan prestasi.

3.2.3. Selain itu, terdapat 12 pegawai kanan KKDW yang menganggotai Ahli Lembaga Pengarah bagi FELCRA Berhad (1) dan anak syarikatnya (11) dengan peranan seperti berikut:

- a) memastikan syarikat mematuhi dasar Kerajaan di samping menjaga kepentingan Kerajaan di dalam syarikat berkaitan;
- b) memudahkan pemantauan operasi syarikat secara hands-on bagi mengelakkan syarikat tersasar daripada objektif penubuhannya;
- c) memastikan penubuhan syarikat berfungsi sebagai entiti yang berdaya saing dan juga memenuhi obligasi sosial mereka sejajar dengan dasar pembangunan luar bandar; dan
- d) melaporkan isu-isu penting yang melibatkan Kerajaan seperti isu kewangan, ketidakpatuhan undang-undang dan isu sensitif kepada Bahagian Korporat dan Pembangunan Kemahiran, KKDW.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa KKDW telah memperkasakan pemantauan ke atas FELCRA melalui mesyuarat pengurusan berkala serta penetapan KPI strategik bagi menjamin kestabilan tatakelola dan kewangan. Selain itu, PAC menegaskan peranan kritikal 12 pegawai kanan kementerian dalam Lembaga Pengarah bagi memastikan pelaburan menggunakan dana dalaman sentiasa mematuhi aspirasi pembangunan luar bandar serta tidak menyimpang daripada matlamat asal penubuhan.

3.3. Syor 3: FELCRA hendaklah mematuhi SOP baharu yang telah dikuatkuasakan yang mana garis masa minimum ditetapkan dalam tempoh masa 15-30 hari untuk menandatangani perjanjian perolehan ladang-ladang komersial baharu.

Maklum Balas KKDW/ FELCRA Berhad:

3.3.1. LKAN Siri.2/2025 mencadangkan agar penetapan garis masa minimum antara kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan tarikh perjanjian dimeterai dibuat untuk memberi ruang penilaian risiko dan semakan sewajarnya dilaksanakan.

3.3.2. Sehubungan itu, FELCRA Berhad telah menambahbaik SOP Pemerolehan Tanah/ Estet Baru FELCRA Berhad dengan memasukkan tempoh masa (*cooling-off period*) untuk menandatangani perjanjian selepas kelulusan Ahli Lembaga Pengarah.

3.3.3. Garis masa yang terlibat adalah seperti berikut:

- a) Tempoh masa 1 hingga 14 hari pertama - bagi tujuan pemakluman dan semakan dokumentasi; dan
- b) Tempoh masa 15 sehingga 30 hari - untuk perjanjian ditandatangani.

3.3.4. Tujuan penetapan tempoh masa ini adalah bagi menyediakan masa dan ruang secukupnya untuk semua pihak yang terlibat bagi meneliti keseluruhan aspek perjanjian sebelum dokumen undang-undang ditandatangani dan proses pindahmilik disempurnakan.

Ulasan PAC:

PAC menyambut baik penambahbaikan SOP melalui penetapan tempoh bertenang (*cooling-off period*) selama 15 sehingga 30 hari sebelum pemeteraian perjanjian perolehan bagi mengelakkan sebarang keputusan dibuat secara terburu-buru. Ruang waktu tersebut membolehkan penelitian mendalam terhadap aspek perundangan serta semakan dokumentasi dilakukan dengan lebih tuntas sebelum komitmen kewangan syarikat dimuktamadkan.

3.4. Syor 4: FELCRA hendaklah melaksanakan audit dalaman secara sukuan tahun bagi menyemak pematuhan 100% terhadap SOP yang diperkukuhkan khususnya melibatkan penilaian bebas oleh pihak ketiga serta keperluan untuk wakil-wakil kementerian hadir secara fizikal dalam mesyuarat yang mempertimbangkan perolehan ladang-ladang komersial baharu. Audit ini perlu dibentangkan untuk pertimbangan lanjut Lembaga Pengarah FELCRA

Maklum Balas KKDW/ FELCRA Berhad:

3.4.1. FELCRA Berhad mengambil maklum syor PAC agar audit dalaman dilaksanakan secara sukuan tahun bagi menyemak pematuhan terhadap SOP Perolehan Ladang/Estet yang telah ditambahbaik berkuatkuasa pada 9 Mac 2026.

3.4.2. Dimaklumkan bahawa fungsi dan peranan Audit Dalam adalah tertakluk kepada Global Internal Audit Standards (GIAS) Tahun 2024, Klausula Standard 7.3 - *Safeguarding Independence - The Chief Audit Executive must discuss with the Board any current or proposed roles and responsibilities that have the potential to impair the Internal Audit function's independence*. Klausula ini mentafsirkan peranan

Audit Dalam yang berfungsi secara bebas. Dalam konteks ini, Audit Dalam FELCRA Berhad akan melapor terus kepada Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Audit dan perlu diasingkan daripada pengurusan harian.

- 3.4.3. Sehubungan itu, bagi memastikan pematuhan terhadap SOP khususnya melibatkan penilaian bebas oleh pihak ketiga serta keperluan untuk wakil-wakil Kementerian hadir secara fizikal dalam mesyuarat yang mempertimbangkan perolehan ladang-ladang komersial baharu, Kumpulan Audit Dalam FELCRA Berhad akan melaksanakan pengauditan terhadap cadangan perolehan ladang-ladang komersial baharu yang akan datang.
- 3.4.4. Laporan hasil daripada pengauditan ini akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Audit FELCRA Berhad terlebih dahulu dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.
- 3.4.5. Sebarang ketidakpatuhan kepada SOP Pemerolehan Estet/Tanah Baharu FELCRA Berhad adalah tertakluk kepada SOP Tindakan Tatatertib FELCRA Berhad seperti maklum balas yang telah dikemukakan untuk Syor 1 di atas.
- 3.4.6. Bagi memantapkan mekanisma semak dan imbang dalam proses kelulusan oleh Lembaga Pengarah FELCRA Berhad, setiap kertas pembentangan yang diangkat kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah diwajibkan untuk mendapatkan ulasan daripada tiga (3) bahagian di FELCRA Berhad iaitu Bahagian Undang-Undang, Bahagian Risiko dan Bahagian Kewangan terlebih dahulu bagi memastikan segala aspek mandatori telah diambil kira di dalam Kertas Pembentangan tersebut. Selain daripada itu, Kertas Pembentangan yang dicadangkan perlu menyatakan dengan jelas punca kuasa pematuhan bagi sesuatu tajuk cadangan yang dibentangkan.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum berhubung fungsi dan peranan Audit Dalam adalah tertakluk kepada *Global Internal Audit Standards* (GIAS) Tahun 2024 serta peranan Kumpulan Audit Dalam yang kini melapor secara terus kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit bagi menjamin kebebasan daripada pengurusan harian. PAC menegaskan bahawa integriti tadbir urus perlu sentiasa dipelihara melalui pematuhan mutlak terhadap SOP perolehan baharu yang telah diperkukuhkan.

- 3.5. Syor 5: FELCRA dikehendaki menyemak semula dan membuat pengiraan secara terperinci bagi unjuran Pulangan Pelaburan (ROI) yang realistik menggunakan kaedah yang lebih wajar dan mengambil kira segala kos yang terlibat.**

Maklum Balas KKDW/ FELCRA Berhad:

- 3.5.1. FELCRA Berhad rrienyambut baik syor PAC agar unjuran Pulangan Pelaburan (ROI) estet komersil disemak semula dengan pengiraan yang terperinci dengan menggunakan kaedah yang lebih wajar dan mengarnbil kira segala kos yang terlibat agar unjuran yang disediakan lebih tepat dan realistik berdasarkan kepada situasi sebenar di estet dan juga faktor-faktor persekitaran yang terlibat.
- 3.5.2. Sehubungan itu, FELCRA Berhad telah melaksanakan pengiraan semula unjuran ROI untuk kesemua empat (4) estet komersil yang diperoleh antara 2022 hingga 2023 iaitu Estet Telupid di Sandakan, Sabah dan Estet Dabong, Estet Sg. Rawit 2 dan Estet Aring di Gua Musang, Kelantan.
- 3.5.3. Pengiraan semula unjuran Pulangan Pelaburan (ROI) adalah berdasarkan kepada tiga (3) faktor asas iaitu harga Minyak Sawit Mentah (MSM) semasa, peningkatan kos operasi dan faktor umur pokok sawit. Selain itu, pengiraan terperinci turut mengambil kira segala kos operasi yang terlibat termasuk kos pemulihan, kos pembangunan sepanjang tempoh projek dan perkembangan pasaran semasa.

3.5.4. Dengan mengambil kira semua faktor tersebut, pengiraan terkini unjuran bagi keempat-empat buah estet adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual Perbandingan Unjuran Asal dan Semakan Semula ROI seperti berikut:

Estet	Tahun Beli	Aliran Tunai Asal			Aliran Tunai Semakan Semula		
		Purata Hasil Asal (Mt/Ha)	Harga MSM Asal (RM)	Pulangan Pelaburan	Purata Hasil (Mt/Ha)	Harga MSM Terkini (RM)	Pulangan Pelaburan (MSM RM4,500)
Dabong	2022	17.00	3,750	Tahun ke 18 (2040)	17.00	4,500	Tahun ke 14 (2036)
Sg Rawit 2	2022	20.04	3,750	Tahun ke 19 (2041)	20.04	4,500	Tahun ke 16 (2038)
Aring	2023	17.61	3,800	Tahun ke 16 (2039)	17.61	4,500	Tahun ke 10 (2033)

Estet	Tahun Beli	Aliran Tunai Asal			Aliran Tunai Semakan Semula		
		Purata Hasil Asal (Mt/Ha)	Harga MSM Asal (RM)	Pulangan Pelaburan	Purata Hasil (Mt/Ha)	Harga MSM Terkini (RM)	Pulangan Pelaburan (MSM RM4,500)
Telupid	2022	16.00	3,750	Tahun ke 9 (2030)	17.50	4,500	Tahun ke 19 (2040)

3.5.5. Secara umumnya, ketiga-tiga estet komersil FELCRA Berhad di Gua Musang, Kelantan menunjukkan pulangan pelaburan lebih awal daripada unjuran antara tahun ke 10 hingga ke 16 pembelian berbanding unjuran awal iaitu antara 16 ke 19 tahun daripada tahun pembelian.

3.5.6. Estet Aring dijangka menjadi estet yang menunjukkan prestasi paling baik antara semua estet. Walaupun perolehan estet ini dibuat pada 2023, estet ini mampu memberi pulangan pelaburan seawal tempoh 10 tahun (2033) operasi dengan purata hasil sekitar 17.61 tan sehektar dengan anggaran harga MSM RM4,500.

- 3.5.7. Seterusnya, prestasi kedua terbaik diunjurkan bagi Estet Dabong yang dibeli pada 2022. Walaupun hasilnya sedikit lebih rendah iaitu 17.00 tan sehektar, estet ini mampu memberikan pulangan peiaburan dalam tempoh 14 tahun (2036) dengan anggaran harga MSM RM4,500.
- 3.5.8. Estet Sungai Rawit 2 pula mencatat hasil paling tinggi iaitu 20.04 tan sehektar. Namun begitu, tempoh untuk pulangan pelaburan adalah 16 tahun (2038), menjadikannya sederhana dari segi pulangan balik pelaburan dengan anggaran harga MSM RM4,500.
- 3.5.9. Berdasarkan andaian harga MSM kekal pada RM4,500 dan kos operasi yang sama bagi semua senario, perbezaan prestasi projek adalah didorong sepenuhnya oleh produktiviti hasil sehektar. Hasil per hektar adalah faktor kritikal yang menentukan kecekapan dan daya maju projek, yang mana peningkatan hasil secara konsisten mampu mempercepatkan titik pulangan pelaburan.
- 3.5.10. Terdapat perbezaan ketara terhadap titik pulangan pelaburan asal bagi Estet Telupid iaitu perubahan daripada tahun kesembilan (ke-9) kepada tahun ke-19 adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama seperti berikut:
- a) Dalam unjuran asal, luas keseluruhan Estet Telupid dianggarkan sebagai luas berhasil. Namun begitu, setelah semakan semula dilakukan, keluasan berhasil terkini adalah 710.55 hektar berbanding asal 787.80 hektar. Ini disebabkan oleh proses tanam semula sebahagian besar kawasan ladang;
 - b) Program tanam semula di Estet Tetupid ini telah bermula pada 2025 dan ditaksanakan secara berperingkat sehingga 2028. Terdapat dua (2) implikasi utama yang akan terhasil iaitu perubahan kepada luas kawasan berhasil (lebih kecil) dan peningkatan kos untuk tanaman semula dan operasi;

- c) Walaupun terdapat pengurangan luas kawasan berhasil, Program Tanam Semula dianggarkan dapat meningkatkan purata hasil daripada 16.00 mt per hektar kepada 17.50 mt per hektar;
- d) Selain itu, unjuran ini diimbangkan dengan faktor peningkatan harga komoditi semasa iaitu harga MSM pada kadar RM4,500 berbanding unjuran asal pada harga RM3,750; dan
- e) Setelah mengambil kira kesemua kos yang terlibat iaitu kos pembelian sebanyak RM62.29 juta, kos tanam semula berjumlah RM21.30 juta dan kos operasi sepanjang tempoh unjuran sebanyak RM44.90 juta, jumlah keseluruhan perbelanjaan modal dan operasi bagi Estet Telupid adalah sebanyak RM128.49 juta. Berdasarkan kepada perincian di atas, kadar pulangan pelaburan terkini setelah penyelarasan semula dilakukan adalah pada tahun ke-19 operasi (tahun 2040).

3.5.11. Perancangan program tanam semula Estet Telupid adalah seperti berikut:

TANAM SEMULA	TAHUN	LUAS KELILING (HA)	LUAS TANAM (HA)	BAKI (HA)	CATATAN
Fasa 1	2025	214.00	193.50	20.50	Baki yang tidak dimajukan melibatkan kawasan perumahan, pejabat, jalan, zon penampakan, kolam mendapan, sungai
Fasa 2	2026	194.00	175.09	18.91	
Fasa 3	2027	194.50	175.10	19.40	
Fasa 4	2028	185.30	166.86	18.44	
JUMLAH		787.80	710.55	77.25	

3.5.12. Program Tanam Semula Estet Telupid melibatkan keluasan keseluruhan 787.80 hektar, dengan keluasan bertanam sebanyak 710.55 hektar dan baki tidak dimajukan seluas 77.25 hektar. Bagi Fasa 1, daripada 214.00 hektar keluasan keliling, hanya 193.50 hektar ditanam manakala baki 20.50 hektar tidak dimajukan. Bagi Fasa 2, daripada 194.00 hektar keluasan keliling, sebanyak 175.09 hektar bertanam dengan baki 18.91 hektar tidak dimajukan. Fasa 3 turut melibatkan keluasan 194.50 hektar, dengan keluasan jangkaan keluasan

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN/ AGENSI
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEROLEHAN LADANG SAWIT OLEH FELCRA (DR. 9/ 2026)

bertanam sebanyak 175.10 hektar dan baki 19.40 hektar. Bagi Fasa 4, daripada 185.30 hektar keluasan keliling, sebanyak 166.86 hektar dijangka akan ditanam dan baki 18.44 hektar tidak dimajukan.

3.5.13. Program Tanam Semula Estet Telupid telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah bagi Fasa 1 dan Fasa 2, manakala program tanam semula bagi Fasa 3 dan Fasa 4 adalah seperti berikut:

Fasa	Tahun	Luas (Ha)	Luas Tanam (Ha)	Anggaran Kos (RM)	Status Kelulusan	Catatan
Fasa 1	2025	214	193.5	5,885,883.00	Diluluskan	Lulus Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 235 (20 Februari 2025)
Fasa 2	2026	194	175.09	5,429,550.00	Diluluskan	Lulus Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 244 (19 Januari 2026)
Jumlah Diluluskan		408	368.59	11,315,433.00		
Fasa 3	2027	194.5	175.1	5,011,831.00	Perancangan	Dalam perancangan tanam semula
Fasa 4	2028	185.3	166.86	4,975,194.00	Perancangan	Dalam perancangan tanam semula
Jumlah Perancangan		379.8	341.96	9,987,025.00		
Jumlah Keseluruhan		787.8	710.55	21,302,458.00		

3.5.14. Analisis Senario Berdasarkan Produktiviti (Harga MSM RM4,500) dan kos operasi tetap pada RM128,494,886 merentasi senario, dengan perbezaan didorong oleh hasil bagi Estet Telupid:

Senario	Hasil (MT/ha)	Pulangan Pelaburan	Impak Utama
Terendah	14.11	Tahun ke-23 (2044)	Risiko prestasi ladang lemah
Asas	15.53	Tahun ke-21 (2042)	Peningkatan sederhana beri ROI cepat
Terbaik	17.50	Tahun ke-19 (2040)	Potensi maksimum tanpa ubah kos

- 3.5.15. Berdasarkan andaian harga MSM kekal pada RM4,500 dan kos operasi yang sama bagi semua senario, perbezaan prestasi projek adalah didorong sepenuhnya oleh produktiviti hasil sehektar.
- 3.5.16. Senario Terendah menunjukkan purata hasil paling rendah iaitu 14.11 mt/ha, yang menyebabkan tempoh pulangan balik pelaburan menjadi paling panjang iaitu tahun ke-23 (2044). Ini menggambarkan keadaan di mana prestasi ladang kurang memuaskan, sekali gus melambatkan pemulihan pelaburan walaupun kos dan harga tidak berubah.
- 3.5.17. Senario Asas mencerminkan jangkaan prestasi yang lebih realistik dengan hasil 15.53 mt/ha. Peningkatan hasil ini membolehkan pulangan balik pelaburan dicapai lebih awal pada tahun ke-21 (2042), iaitu dua tahun lebih cepat berbanding senario terendah. Ini menunjukkan bahawa peningkatan produktiviti yang sederhana sudah cukup untuk memberi impak positif kepada kedudukan kewangan projek.
- 3.5.18. Senario Terbaik pula meriunjukkan potensi maksimum ladang dengan hasil 17.50 mt/ha. Dalam keadaan ini, pulangan pelaburan dapat dicapai seawal tahun ke-19 (2040), menjadikannya senario paling menguntungkan. Ia membuktikan bahawa peningkatan hasil mempunyai kesan yang signifikan dalam mempercepatkan pulangan balik pelaburan tanpa perlu perubahan kepada harga atau kos.
- 3.5.19. Sebagai penambahbaikan, unjuran aliran tunai (*cashflow*) turut dikemas kini dengan mengambil kira senario terbaik (*best case scenario*) di mana hasil ladang Estet Telupid selepas tanam semula diunjurkan mampu mencapai sehingga 17.50

metrik tan sehektar (17.50 mt/ha), satu pusingan tanam semula (25 tahun), berbanding aliran tunai asal 16.00 mt/ha sebelum ini.

3.5.20. Bagi menyokong pencapaian sasaran 17.50 mt/ha tersebut, beberapa langkah penambahbaikan telah dikenal pasti dan sedang dilaksanakan, antaranya:

- a) Program tanam semula secara berperingkat Fasa 1 pada tahun 2025 melibatkan keluasan 214.00 hektar, Fasa 2 pada tahun 2026 melibatkan 194.00 hektar, Fasa 3 pada tahun 2027 melibatkan 194.50 hektar, dan Fasa 4 pada tahun 2028 melibatkan 185.30 hektar;
- b) Penggunaan bahan tanaman berkualiti;
- c) Program pembajaan melibatkan baja jenis nugget di kawasan tinggi;
- d) Pembinaan teres baru yang lebih lebar (5.0 meter) untuk memudahkan laian jentera mekanisasi; dan e) Penambahan jalan ladang baru semasa kerja tanam semula.

3.5.21. Secara keseluruhan, perbezaan antara keluasan keliling dan keluasan tanam ini adalah disebabkan oleh kewujudan kawasan infrastruktur dan rizab seperti penempatan, kemudahan operasi, jalan ladang serta kawasan perlindungan alam sekitar yang tidak sesuai atau tidak dibenarkan untuk penanaman.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum berhubung semakin unjuran ROI bagi empat estet komersial yang menunjukkan anjakan tempoh pulangan pelaburan. Anjakan ini dipengaruhi secara signifikan oleh faktor peningkatan kos operasi seperti kadar gaji minimum baharu, harga diesel komersial semasa, serta keperluan program tanam semula yang tidak diperincikan dalam unjuran awal.

Sehubungan itu, PAC menegaskan bahawa simulasi kewangan pada masa hadapan perlu dilaksanakan dengan mengintegrasikan analisis titik pulang modal (*break-even analysis*) serta mengambil kira risiko turun naik harga Minyak Sawit Mentah (MSM) bagi menjamin unjuran yang lebih tepat dan realistik.

- 3.6. Syor 6: FELCRA perlu memastikan program pemulihan ladang yang kurang berdaya maju diteruskan dan diperluaskan dengan pelan pemantauan prestasi yang lebih ketat dan berasaskan KPI yang jelas. Ini bagi memastikan pelaburan yang telah dibuat menghasilkan pulangan yang baik seperti yang telah disasarkan dan secara langsung menyumbang kepada keuntungan syarikat.**

Maklum Balas KKDW/ FELCRA Berhad:

- 3.6.1. FELCRA telah melaksanakan program pemulihan ladang yang kurang berdaya maju dengan memberi fokus kepada Estet Telupid dengan pelaksanaan kerja seperti kerja-kerja tanam semula, penanaman pokok Vetiver, dan pembinaan jalan konkrit. Program Pemulihan Fasa I bermula pada Julai 2025 dan dijangka selesai pada Jun 2029, manakala bagi Fasa 2 bermula pada Jun 2026 dan dijangka selesai pada Mei 2030. Pemantauan Prestasi Pelan Pemulihan Ladang dan Prestasi Hasil Kelapa Sawit serta penyata untung rugi yang dilaksanakan oleh Kumpulan Perladangan secara bulanan dan dipantau oleh Pengurusan melalui Bahagian Pemantauan Prestasi FELCRA Berhad.
- 3.6.2. Pemantauan KPI dilaksanakan oleh Kumpulan Perladangan dan dipantau oleh pihak Pengurusan melalui Bahagian Pemantauan Prestasi FELCRA Berhad serta dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT), Jawatankuasa Peringkat Lembaga dan Mesyuarat Lembaga Pengarah (BOD) setiap tiga bulan. Selaras dengan rangka kerja pemantauan berasaskan KPI, prestasi Estet Komersial dipantau melalui indikator utama seperti hasil (mt/ha), prestasi kewangan (P&L), kos operasi per hektar, serta keuntungan bersih per hektar, yang turut dijadikan sebagai KPI utama bagi Pengarah Perladangan dalam menilai keberkesanan pengurusan dan pencapaian operasi keseluruhan sektor perladangan.

3.6.3. Bagi tahun 2026, sasaran KPI bagi hasil empat estet baharu ditetapkan pada 12.68 mt/ha, manakala sasaran keuntungan bersih adalah sebanyak RM6.62 juta untuk EstetTelupid, Estet Dabong, Estet Sg Rawit2 dan Estet Aring. Pencapaian hasil dan Untung Kasar sehingga bulan Mac 2026 bagi keempat-empat estet adalah seperti berikut:

Estet	Perkara	Sasaran Tahun 2026	Sasaran hingga Mac 2026	Capai Hingga Ini (Mac 2026)	%
Telupid	Ang. Hasil (MT/Ha)	8.51	1.89	1.46	77
	Untung Kasar (RM)	676,795.59	99,087.71	251,516.00	254
Sg Rawit 2	Ang. Hasil (MT/Ha)	15.77	3.13	2.07	66
	Untung Kasar (RM)	1,673,932.46	214,437.21	75,695.00	35
Dabong	Ang. Hasil (MT/Ha)	16.29	3.23	2.1	65
	Untung Kasar (RM)	203,633.35	-93,508.36	-27,434.00	29
Aring	Ang. Hasil (MT/Ha)	12.65	2.51	2.02	80
	Untung Kasar (RM)	4,061,002.20	114,434.47	1,398,144.00	1,222
Jumlah	Ang. Hasil (Mt/Ha)	12.68	2.56	1.93	75
	Untung Kasar (RM)	6,615,363.60	334,451.03	1,697,921.00	508

3.6.4. Program pemulihan ladang sawit bertujuan untuk meningkatkan semula hasil dan produktiviti kawasan yang terbiar, tua, atau tidak produktif. Berikut adalah aktiviti utama yang terlibat yang melibatkan **tiga (3) fasa utama iaitu fasa jangka pendek (3-8 tahun) jangka sederhana (8-20 tahun) jangka panjang (21-tahun):**

a) Penilaian dan Perancangan (Jangka Pendek: Tahun 1-2)

- Pemeriksaan Ladang: Penilaian menyeluruh meliputi umur pokok, dirian pokok sehektar (SPH), tahap kesuburan dan sejarah hasil ladang sebelum menentukan sama ada perlu pemulihan intensif atau tanam semula dalam tempoh 3-6 bulan.

- Pemetaan Kawasan: Pengukuran semula keluasan, penyusunan blok ladang serta penggunaan teknologi GIS bagi meningkatkan ketepatan perancangan dalam tempoh 9-12 bulan.
- b) Penanaman Semula (*Replanting*) (Jangka Pendek-Sederhana: Tahun 1-5)
- Pemilihan Bahan Tanaman: Penggunaan anak benih berkualiti tinggi daripada sumber sah (DxP/klon terpilih) bagi memastikan potensi hasil optimum dan keseragaman pokok. (sulaman anak benih di bawah 5% selepas selesai kerja-kerja penanaman).
 - Menanam Kekacang Penutup Bumi (LCC): Menanam LCC untuk mengawal rumpai, mengurangkan hakisan, dan meningkatkan kesuburan tanah dilaksanakan serentak dengan kerja penyediaan kawasan dan pembinaan teres dalam tempoh: 3-12 bulan
- c) Penjagaan tanaman (*Crop Upkeep*) dan Penyelenggaraan Ladang (*Field Upkeep*) (1-25 tahun)
- Pengurusan Nutrien: Pembajaan berasaskan laporan analisa tanah dan daun (ATD) menggunakan baja tunggal atau sebatian mengikut umur pokok.
 - Kawalan Perosak dan Penyakit: Dilaksanakan secara berterusan dengan pendekatan kawalan bersepadu termasuk kaedah biologiikal dan kimia bagi menangani ancaman penyakit.
 - Penyelenggaraan Jalan Ladang: Dilaksanakan secara berkala sepanjang tempoh operasi bagi memastikan akses yang baik untuk pergerakan jentera dan pengangkutan buah tandan segar (BTS) serta kerja-kerja operasi di ladang.
- d) Peningkatan Teknologi dan Mekanisasi (1-25 tahun)
- Penggunaan Jentera: Dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun pertama sehingga tahun ke-25 bagi meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual.
 - Sistem Pengairan: Pelaksanaan sistem saliran yang cekap serta amalan konservasi kelembapan tanah melalui penggunaan sungkupan (*mulching*), penanaman penutup bumi dan pengurusan perparitan ladang bagi

mengekalkan kelembapan tanah secara optimum. Pelaksanaan ini dijalankan secara berterusan dengan pemantauan berkala setiap bulan serta penyelenggaraan sekurang-kurangnya sekali setahun.

e) Pemulihan Ekosistem

- Selain itu, KPI juga ditetapkan berdasarkan kepada Fasa Kitaran Produktiviti Hasil Buah Tandan Segar (BTS) yang berubah mengikut urnur pokok seperti berikut:
 - i. Fasa Belum Matang (0-3 tahun): Pokok mula mengeluarkan bunga seawal usia 24-30 bulan, namun penghasilan BTS masih minimum dan belum mencapai tahap penuaian komersial. Dalam fasa ini, aktiviti *scout harvesting* dilaksanakan secara berkala bagi mengesan tandan awal, memastikan hanya tandan matang dituai serta mengelakkan kerosakan pokok akibat penuaian pramatang.
 - ii. Fasa Matang Muda (4-8 tahun): Pengeluaran BTS meningkat secara signifikan selaras dengan pertumbuhan pokok dan pembentukan kanopi. Bilangan pelepah produktif optimum (sekitar 40-48 pelepah sepokok) menyokong kecekapan fotosintesis, manakala purata berat tandan meningkat secara progresif dalam julat 10-20 kg setandan, bergantung kepada kesuburan tanah dan amalan agronomi.
 - iii. Fasa Produktiviti Puncak (9-18 tahun): Pokok mencapai tahap pengeluaran tertinggi. Pada tahap ini, hasil purata boleh mencecah 18 hingga 30 tan sehekhtar setahun di Malaysia dan Indonesia; dan
 - iv. Fasa Menurun (19-25+ tahun): Hasil BTS mula menurun secara beransur-ansur akibat penurunan kecekapan fotosintesis dan peningkatan ketinggian pokok. Pokok yang melebihi 12 meter menyukarkan penuaian, meningkatkan kos buruh serta risiko kehilangan hasil. Pada peringkat ini, pelaksanaan pelan tanam semula secara berperingkat adalah disyorkan bagi mengekalkan produktiviti ladang secara keseluruhan.

3.6.5. KPI pengurusan ladang turut mengambil kira faktor mempengaruhi Kitaran Hasil seperti yang berikut:

- a) Pengeluaran Pelepah: Setiap pelepah baharu berpotensi menghasilkan satu tandan buah. Justeru, pengurusan bilangan pelepah perlu disesuaikan mengikut fasa pertumbuhan bagi mengimbangi keperluan vegetatif dan penghasilan BTS, seperti berikut: pokok belum matang (0-3 tahun) mengekalkan bilangan pelepah yang lebih tinggi bagi menyokong pertumbuhan awal; pokok matang muda (4-8 tahun) diselenggara pada paras optimum sekitar 40-48 pelepah sepokok untuk meningkatkan kecekapan fotosintesis dan pembentukan tandan; manakala pokok pada rasa produktiviti puncak (9-18 tahun) dan seterusnya dikawal secara konsisten melalui amalan *prunning* terancang bagi memaksimumkan hasil BTS;
- b) Kitaran Musiman: Di Malaysia, pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) menunjukkan corak bermusim yang konsisten. Secara amnya, musim puncak pengeluaran hasil berlaku pada Oktober hingga November, dengan sumbangan pengeluaran bulanan yang lebih tinggi berbanding bulan-bulan lain. Sebaliknya, musim hasil rendah lazimnya berlaku pada Februari hingga Mac apabila pengeluaran menurun. Ini dipengaruhi oleh taburan hujan serta kitaran pembentukan bunga dan tandan yang mengambil masa sekitar 24 hingga 30 bulan; dan
- c) Kualiti Benih: Penggunaan bahan tanaman hibrid Tenera (kacukan Dura X Pisifera) daripada sumber sah dan diperakui merupakan standard industri bagi menjamin potensi hasil minyak yang optimum serta prestasi hasil ladang yang konsisten.

3.6.6. Pelaksanaan pelan pemulihan dan pembangunan ladang di Estet Telupid dirangka secara berfasa dan berstruktur untuk memastikan kesinambungan pengeluaran serta peningkatan hasil jangka panjang. Program tanam semula dijalankan secara berperingkat: Fasa 1 pada 2025 (214.00 hektar), Fasa 2 pada

2026 (194.00 hektar), Fasa 3 pada 2027 (194.50 hektar), dan Fasa 4 pada 2028 (185.30 hektar). Pendekatan ini memudahkan pengurusan aliran tunai yang lebih stabil serta mengurangkan risiko kehilangan hasil secara mendadak. Penggunaan bahan tanaman berkualiti tinggi ditekankan untuk memastikan potensi hasil Buah Tandan Segar (BTS) yang optimum semasa tempoh matang, disamping meningkatkan keseragaman pokok.

- 3.6.7. Program pembajaan dilaksanakan secara bersasar, dengan penggunaan baja nugget khusus di kawasan tanah tinggi bagi mengurangkan kehilangan nutrien akibat larut resap (*reaching*) serta meningkatkan kecekapan penyerapan baja oleh pokok. Teres baharu yang dibina dengan kelebaran lebih luas bagi memudahkan pergerakan jentera ringan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.
- 3.6.8. Penyelenggaraan Jalan Ladang: Dilaksanakan secara berkala sepanjang tempoh operasi bagi memastikan akses yang baik untuk pergerakan jentera dan pengangkutan buah tandan segar (BTS) serta kerja-kerja operasi di ladang.
- 3.6.9. Secara keseluruhan, usaha ini dijangka meningkatkan hasil ladang, mengurangkan kos operasi, dan meningkatkan keuntungan kepada FELCRA Berhad.
- 3.6.10. Selaras dengan objektif penubuhan FELCRA Berhad yang menyasarkan kepada penyatuan dan pemulihan tanah, FELCRA Berhad mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam mengurus ladang berskala besar, khususnya dalam pelaksanaan program tanam semula serta pengurusan agronomi secara menyeluruh. Pengalaman ini membolehkan pelaksanaan operasi ladang dibuat secara lebih sistematik, cekap dan berkesan.
- 3.6.11. FELCRA Berhad juga mempunyai kepakaran teknikal yang merangkumi pembajaan berasaskan analisa tanah dan daun, pengurusan air dan tanah, serta

pelaksanaan amalan pertanian terbaik (*Good Agronomy Practices*, GAP) bagi memastikan pencapaian hasil yang konsisten.

- 3.6.12. FELCRA Berhad turut mempunyai keupayaan dalam pengurusan tenaga kerja, pemantauan prestasi secara berkala, serta penggunaan teknologi dan mekanisasi bagi meningkatkan kecekapan operasi.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa inisiatif program pemulihan ladang yang kurang berdaya maju telah mula membuahkan impak positif. Namun demikian, PAC menegaskan kepentingan kelestarian amalan pertanian terbaik (*Good Agronomy Practices-GAP*) serta pengukuhan pemantauan KPI secara intensif bagi menjamin estet yang mempunyai cabaran topografi seperti Estet Telupid mampu memenuhi sasaran produktiviti hasil yang telah diunjurkan.

- 3.7. Syor 7: FELCRA hendaklah merangka dan melaksanakan pelan strategik jangka sederhana dan panjang dengan sasaran yang jelas untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui pelan mekanisasi yang komprehensif dan penyediaan kemudahan asas yang lebih baik bagi menarik tenaga kerja tempatan.**

Maklum Balas KKDW/ FELCRA Berhad:

- 3.7.1. Sektor perladangan sawit Malaysia, khususnya pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) masih berdepan cabaran utama dalam menarik tenaga kerja tempatan kerana sifat kerja yang memerlukan keupayaan fizikal yang tinggi, berbahaya, kotor, dan rumit (3D: *dirty, dangerous, difficult*), sekaligus kurang menarik minat tenaga kerja dalam kalangan rakyat tempatan.

- 3.7.2. Berdasarkan kepada data dalam kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), 75% daripada tenaga kerja ladang sawit di Malaysia terdiri daripada warga asing. Pada masa yang sama, sektor perladangan sawit dilaporkan menghadapi kekurangan sekitar 40,000 pekerja, yang menyebabkan kemerosotan pengeluaran dan kehilangan nilai eksport sekitar RM7.9 bilion setahun.
- 3.7.3. Kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing menyebabkan sektor ini terdedah kepada risiko bekalan tenaga kerja, terutama apabila kuota pekerja asing dibekukan atau pergerakan rentas sempadan dihadkan.
- 3.7.4. Sehubungan itu, FELCRA Berhad menyambut baik saranan PAC agar usaha berterusan dilaksanakan menerusi penggubalan pelan strategik jangka sederhana dan panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan pada masa yang sama lebih kompetitif untuk menggalakkan penyertaan tenaga kerja tempatan.
- 3.7.5. Komposisi guna tenaga di empat (4) estet komersil FELCRA Berhad adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah:

Jadual Komposisi Tenaga Kerja di Estet Telupid, Estet Dabong, Estet Sg. Rawit 2 dan Estet Aring

Estet	Bil. Pekerja Tenaga Kerja Asing (TKA)	%	Bil. Pekerja Tempatan	%
Telupid	25	90	3	10
Dabong	28	83	6	17
Sg Rawit 2	22	82	5	18
Aring	21	66	11	34
Jumlah	96	80	25	20

- 3.7.6. Secara keseluruhan, 80% daripada tenaga kerja di keempat-empat estet komersil tersebut terdiri daripada tenaga kerja asing (TKA). Walau bagaimanapun, nisbah ini masih berada dalam julat piawaian industri perladangan di Malaysia (antara 70%

hingga 85% TKA). Estet Aring mencatat komposisi agak seimbang (66% TKA), manakala Estet Telupid mempunyai kebergantungan tertinggi (90% TKA).

3.7.7. Menyedari kadar kebergantungan yang tinggi dan risiko terhadap produktiviti ladang sekiranya berlaku gangguan kepada bekalan TKA, FELCRA Berhad telah merangka Pelan Strategik Jangka Sederhana dan Jangka Panjang bermula pada 2025 hingga 2030 dengan tumpuan khusus diberikan kepada pelan mekanisasi dan usaha bagi menambahbaik kemudahan asas bagi menarik tenaga kerja tempatan.

3.7.8. Pelan Strategik Jangka Sederhana (2025 -2027):

a) Strategi jangka sederhana yang sedang dan akan dilaksanakan adalah menerusi fasa penambahbaikan dan transformasi operasi perladangan FELCRA Berhad dengan fokus diberikan kepada mekanisasi dan peningkatan daya tarikan terhadap pekerja tempatan.

b) Pelan Mekanisasi:

Tahun	Perolehan		Lokasi	Status
2025	6 unit jentera	2 unit Kubota MMG	Estet Dabong dan Sungai Rawit 2	Kesemua jentera sudah diterima dan beroperasi
		4 unit Landsurf	Estet Aring (2 unit) Estet Dabong (2 unit)	
2026	4 unit jentera baru	2 unit traktor 90HP	Estet Aring dan Estet Telupid	Dijadualkan diterima antara Ogos hingga September 2026
		1 unit backhoe	Estet Dabong	
		1 unit mini excavator 50HP	Estet Telupid	
2027	6 unit jentera	2 unit traktor 90 hp	Estet Dabong dan Estet Aring	Cadangan belanja modal 2027
		1 unit lori 5 tan	Estet Dabong	
		3 unit power barrow	Estet Telupid (3 unit)	

c) Bagi menarik minat tenaga kerja tempatan untuk bekerja di sektor perladangan, FELCRA Berhad turut melaksanakan penambahbaikan kemudahan dan insentif seperti berikut:

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN/ AGENSI
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEROLEHAN LADANG SAWIT OLEH FELCRA (DR. 9/ 2026)

- i. Penambahbaikan kemudahan perumahan pekerja (rumah ladang, kemudahan asas, persekitaran kerja selesa);
 - ii. Penyediaan kemudahan pengangkutan pekerja tempatan yang tinggal di luar estet; dan
 - iii. Pemberian insentif minyak bagi pekerja tempatan yang hadir menggunakan kenderaan sendiri dan tambahan insentif kehadiran penuh bekerja.
- b) Selain itu, FELCRA Berhad juga akan memperkenalkan pengelasan jawatan bagi tenaga kerja tempatan dan TKA yang akan dilaksanakan pada suku tahun pertama 2027 seperti berikut:

Nama Jawatan Tenaga Kerja Yang Digunakan Sekarang	Nama Jawatan Tenaga Kerja Yang Akan Diperbaharui
Mandor	Penyelia Operasi Ladang
Pemandu Ladang	Pemandu Operasi Ladang/ Pemandu Logistik Ladang
Penuai	Operator Penuaian & Penyelenggaraan Ladang
Penoreh	Operator Ladang Getah
Pekerja Am	Pembantu Operasi Ladang (<i>Crop Maintenance</i>)

- c) FELCRA Berhad juga menyediakan latihan berterusan kepada tenaga kerja ladang meliputi aspek seperti berikut:
- Latihan standard penuaian
 - Pengendalian baja & amalan agronomi terbaik (GAP)
 - Keselamatan & kesihatan pekerjaan (OSH)
 - Pengendalian jentera (Kubota MMG, Landsurf)
 - Asas penyelenggaraan jentera
 - Latihan merumpai
- d) Penambahbaikan terhadap skim gaji juga akan dilaksanakan bermula pada tahun 2027 menerusi pemberian insentif minyak, elaun kehadiran, insentif produktiviti, insentif pemandu jentera (minimum RM330.00).

3.7.9. Pelan Strategik Jangka Panjang (2028-2030):

- a) Bagi tempoh jangka masa panjang, FELCRA Berhad menyasarkan untuk memperluas mekanisasi secara lebih menyeluruh, meningkatkan usaha untuk menawarkan kemudahan dan insentif yang lebih baik menerusi penyediaan kemudahan perumahan baharu, menaik taraf kemudahan sedia ada dan kajian semula kadar gaji/ elaun untuk kekal kompetitif dan berupaya untuk menarik minat tenaga kerja tempatan selaras dengan Program Tanam Semula Fasa 1 (berhasil 2029).
- b) Pelan mekanisasi - Meneruskan pembekalan jentera bermula suku keempat 2028 hingga 2030.
- c) Penambahbaikan kemudahan dan insentif
 - Naik taraf kemudahan perumahan (elektrik, air, akses internet)
 - Penambahan perumahan baru pekerja di estet
- d) Latihan untuk tenaga kerja ladang akan diperluas untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja secara berterusan antaranya bagi aspek seperti berikut:-
 - i. Latihan Asas Operasi Ladang yang merangkumi :-
 - Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)
 - Teknik penuaian buah sawit (standard MPOB)
 - Teknik *pruning*, meracun dan pembajaan
 - Pengendalian alat asas ladang
 - Disiplin kerja & standard operasi ladang (SOP)
 - ii. Latihan Mekanisasi & Teknologi Ladang merangkumi:-
 - Pengendalian jentera ladang (Traktor, Grabber, Loader)
 - Penyelenggaraan asas jentera
 - Penggunaan teknologi precision farming

- Sistern GPS dan pemetaan ladang
 - Pengenalan dron untuk pemantauan ladang
- iii. Latihan Keselamatan dan Kepatuhan merangkumi:-
- Penggunaan PPE (alat perlindungan diri)
 - Pengurusan bahan kimia (racun dan baja)
 - Tindakan kecemasan dan pertolongan cemas
 - Pematuhan ESG dan kelestarian alam sekitar.
- e) Selain itu, FELCRA Berhad juga merancang untuk melaksanakan kerjasama strategik bersama rakan kolaborasi seperti berikut:-
- i. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
- Latihan teknikal penuaian sawit standard industri
 - Pensijilan kompetensi (*Certified Oil Palm Worker*)
 - Kursus agronomi dan mekanisasi sawit
- ii. Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH)
- Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH)
 - Pengurusan risiko ladang
 - Kursus *first aid dan hazard control*

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum berhubung pelancaran pelbagai inisiatif melalui strategi jangka sederhana dan panjang bagi menggalakkan penglibatan tenaga kerja warga tempatan memandangkan profil guna tenaga di estet-estet terpilih masih menunjukkan kadar kebergantungan Tenaga Kerja Asing (TKA) yang mencecah 90%. PAC menegaskan bahawa usaha menggalakkan pekerja tempatan seperti penyediaan infrastruktur kediaman yang lebih berkualiti serta penawaran insentif petrol dan kehadiran merupakan elemen yang amat kritikal bagi memastikan kelangsungan tenaga kerja.

- 3.8. Syor 8: KKDW dan FELCRA perlu menilai dan menetapkan semula sasaran perolehan *land bank* yang lebih realistik, dengan mengambil kira keupayaan kewangan FELCRA, serta pelan perolehan yang jelas dan jaminan sumber pembiayaan yang mencukupi untuk mengelakkan risiko kepada kelestarian kewangan syarikat menampung kos operasi jangka panjang.**

Maklum Balas KKDW/ FELCRA Berhad:

- 3.8.1. Memandangkan keperluan pelaburan kapital yang tinggi, sasaran perolehan estet komersial telah disemak semula dan dipanjangkan melangkaui tempoh RMKe-13 untuk mengurangkan risiko dan bebanan kewangan syarikat. Tumpuan utama adalah kepada kelestarian operasi syarikat.
- 3.8.2. Dalam jangka masa terdekat FELCRA Berhad akan memfokus kepada program tanam semula estet komersial untuk mengimbangi purata umur pokok dan mendapat kenaikan hasil dalam jangka masa sederhana dan panjang.
- 3.8.3. Untuk tahun 2026, kos keseluruhan pembangunan projek bagi Program Tanam Semula Estet dianggarkan berjumlah RM52,027,172 bagi seluas 1,846 hektar bagi tempoh lima (5) tahun yang akan datang. Ini bertujuan untuk mengimbangi purata umur pokok untuk semua estet/ ladang dan mendapat kenaikan hasil dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum keputusan FELCRA menangguhkan sebarang perolehan aset komersial baharu bagi memberi keutamaan kepada Program Tanam Semula Estet Tahun 2026. PAC menegaskan bahawa penentuan sasaran *land bank* pada masa hadapan perlu bersandarkan analisis keupayaan dana dalaman yang menyeluruh tanpa mengharapkan bantuan geran Kerajaan, demi mengurangkan risiko liabiliti serta memastikan kelestarian kewangan syarikat untuk jangka panjang.

3.9. Syor 9: MOF dan KKDW hendaklah memperkasakan keanggotaan Lembaga Pengarah dengan melantik pihak luar yang merangkumi pelbagai kepakaran bagi memantapkan tadbir urus FELCRA.

Maklum Balas MOF/ KKDW/ FELCRA Berhad:

- 3.9.1. Secara praktisnya, MOF akan mengenal pasti calon-calon yang memiliki kelayakan profesional dan bersesuaian mengikut keperluan semasa FELCRA untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Bebas FELCRA. Pelantikan ALP Bebas ini dilaksanakan secara berkala dengan memberi keutamaan kepada kepelbagaian bidang kepakaran bagi memperkukuh tadbir urus organisasi.
- 3.9.2. Setiap calon yang disenarai pendek diwajibkan melalui proses tapisan *due diligence* yang menyeluruh bagi memastikan integriti dan kredibiliti calon berada pada tahap tertiriggi sebelum sebarang pelantikan dimuktamadkan. Hal ini selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri (YAB PM) No. 1 Tahun 2023 Siri 1 No.1 Tahun 2024: Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional - Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG).
- 3.9.3. Bagi ALP yang mewakili MOF, satu sistem pelaporan khusus telah disediakan melalui sistem GCAIS2.0 bagi membolehkan pegawai terlibat mengemukakan maklum balas segera sekiranya terdapat sebarang isu kritikal (*red flag*) yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah (LP) syarikat. Mekanisme ini adalah bagi memastikan tindakan susulan dapat diambil secara proaktif dan efektif.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa pemilihan ALP kini mengutamakan kepelbagaian kepakaran profesional, khususnya dalam bidang audit, kewangan dan sektor perladangan yang dilihat berupaya memperkukuh fungsi pengawasan organisasi. PAC turut

menyambut baik langkah proaktif MOF mengintegrasikan sistem Government Companies & Agencies Information System 2.0 (GCAIS 2.0) bagi mengesan sebarang amaran awal (*red flag*) terhadap keputusan pelaburan, di mana penglibatan aktif wakil kementerian adalah mandatori bagi menjamin ketelusan serta kelestarian tadbir urus secara efisien.

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Penyata PAC Parlimen DR. 9/2026 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

Kesimpulannya, pihak FELCRA Berhad hendaklah serius dalam melaksanakan tindakan yang disyorkan dan mematuhi segala keperluan berkanun (*statutory requirement*) yang telah ditetapkan.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

**LAPORAN PROSIDING (HANSARD)
TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN/ AGENSI PADA
ISNIN, 22 JUN 2026**





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 22 Jun 2026

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Pengurusan Perolehan Ladang Sawit oleh Lembaga Penyatuan
dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) di bawah
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)**

Kementerian Kewangan (MOF)

- (i) YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

- (i) YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)

- (i) Encik Mohd Ismi bin Abdul Majid
Ketua Pegawai Eksekutif

**PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 22 JUN 2026

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] — *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] — *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Sekijang]

URUS SETIA

Puan Aidahanie binti Baharuddin [Ketua Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang), Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Muzzamil bin Khairul Anuar [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Rusnida binti Muhammad Radzi [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]
Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Kawalan Kewangan Strategik Dan Korporat)]

Encik Nurul Albiir bin Nordin [Penolong Setiausaha PKP (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Tuan P. Gunalan a/l Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Tuan Chang Ching [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan SPRM)]

Tuan Premraj a/l Isaac Dawson Martin Victor [Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan SPRM)]

Tuan Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Bahagian Siasatan SPRM)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Maisarah binti Omar [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]

Encik Mohd Khalid Bin Mohd Ribuan [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]

Encik Junadi bin Mohamad Ali [Pegawai Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Encik Irwin bin Mohamad [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

SAKSI

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Mahmood [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

YBrs. Dr. Hartini binti Mohd Nasir [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah)]

Puan Rusni binti Mohamed [Ketua Unit Audit Dalam]

Puan Afifah binti Sahib [Setiausaha Bahagian (Bahagian Korporat dan Pembangunan Kemahiran)]

Encik Muhammad Haikal bin Zamin [Penolong Setiausaha (Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah)]

Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [Ketua Pegawai Eksekutif]

Encik Azam Azi bin Rusdi [Pengarah Perancangan Strategik]

Puan Mariah binti Husain [Ketua Audit Dalam]

Puan Nurul Ain binti Muhamad Sauki [Setiausaha Syarikat]

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [Pengarah Perladangan]

Puan Marziana binti Mangsor [Penasihat Undang-undang]

Puan Noor Shadatul Amira binti Suhaime [Eksekutif Kanan Audit Dalam]

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]

Puan Nor Azizati binti Hamzah [Setiausaha Bahagian (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Mohd Hisyamuddin bin Awang Abu Bakar [Ketua Seksyen Pelaburan Khas, Hartanah & Perladangan (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KELIMA

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

ISNIN, 22 JUN 2026

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.33 petang

*[Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya. Selamat petang. Salam sejahtera. Selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat — Bukan. Kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15 dan Ahli-ahli ex officio PAC terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan Penasihat Undang-undang Parlimen Malaysia. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat hari ini yang Pengerusi PAC dah beritahu kami dia akan masuk sedikit lewat. Jadi, saya mempengerusikan mesyuarat pada petang ini terlebih dahulu.

Prosiding tindakan susulan pada hari ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan FELCRA Berhad terhadap syor-syor dalam Penyata PAC berhubung pengurusan perolehan ladang sawit oleh FELCRA iaitu (DR9/2026) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 3 Mac 2026. Dalam laporan tersebut, PAC telah memberikan sembilan rumusan hasil daripada sejumlah sembilan prosiding yang diadakan mulai 20 Ogos 2025 sehingga 3 November 2025. Berdasarkan rumusan-rumusan berkenaan, PAC Parlimen telah mengesyorkan sembilan perkara untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan sebagai langkah penambahbaikan.

PAC memanggil prosiding untuk isu ini berdasarkan punca kuasa Peraturan Mesyuarat 77(1)(c), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304(B) 2023, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) hendaklah melaporkan semula kepada PAC perkara-perkara yang telah dirujuk jawatankuasa ini terhadap Pegawai Pengawal seperti yang dinyatakan dalam Penyata Jawatankuasa ini. Sehubungan itu, hadir di hadapan PAC pada petang ini adalah Yang Berbahagia Datuk Hajah Shahrazat binti Haji Ahmad,

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), Kementerian Kewangan yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Kedua ialah Yang Berbahagia Dato' Dr. Roslan bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan KKDW yang mewakili Yang Berbahagia Dato' Sri Suraini binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKDW dan ketiga Yang Berusaha Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid, Ketua Pegawai Eksekutif, FELCRA Berhad dan pegawai-pegawai daripada MOF, KKDW dan FELCRA Berhad yang turut hadir bersama.

Yang Berhormat dan Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, sebelum jawatankuasa memulakan prosiding bagi memastikan segala keterangan yang diberikan adalah benar dan sah, saya ingin memaklumkan bahawa bermula tahun 2026, semua saksi yang hadir untuk memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa Pilihan Parlimen termasuk PAC diwajibkan untuk mengangkat sumpah. Arahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 18, Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [*Akta 347*] yang menyatakan bahawa saksi boleh diperiksa atas sumpah yang dikendalikan oleh Pengerusi Jawatankuasa.

Sehubungan itu, dimohon tiga saksi utama di hadapan saya untuk berdiri dan mengangkat sumpah yang diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Hajah Shahrizat binti Haji Ahmad.

[Saksi-saksi yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah di hadapan Jawatankuasa PAC]

1. Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), Kementerian Kewangan (MOF)];
2. Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)]; dan
3. Dato' Dr. Roslan bin Mahmood [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]

Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), Kementerian Kewangan (MOF)]: Terima kasih YB. *[Mengangkat sumpah]* Bahawasanya saya Shahrizat binti Haji Ahmad.

Dato' Dr. Roslan bin Mahmood [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]:
[Mengangkat sumpah] Roslan bin Mahmood.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)]:
[Mengangkat sumpah] Mohamed Ismi bin Abdul Majid.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: *"Dengan sesungguhnya, bersumpah bahawa segala keterangan yang kami berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka."*

Dato' Dr. Roslan bin Mahmood [KKDW]: *"Dengan sesungguhnya, bersumpah bahawa segala keterangan yang kami berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka."*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: *"Dengan sesungguhnya, bersumpah bahawa segala keterangan yang kami berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka."*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Seterusnya dimohon juga pegawai-pegawai dari kementerian atau agensi yang akan memberikan keterangan atau penjelasan untuk berdiri dan mengangkat sumpah. Ada?

[Pembesar suara dimatikan]

[Saksi-saksi yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah di hadapan Jawatankuasa PAC]

Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA):

1. Encik Azam Azi bin Rusdi [Pengarah Perancangan Strategik]
2. Puan Mariah binti Husain [Ketua Audit Dalam]
3. Puan Nurul Ain binti Muhamad Sauki [Setiausaha Syarikat]
4. Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [Pengarah Perladangan]
5. Puan Marziana binti Mangsor [Penasihat Undang-undang]
6. Puan Noor Shadatul Amira binti Suhaime [Eksekutif Kanan Audit Dalam]

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW):

1. Dr. Hartini binti Mohd Nasir [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah)]
2. Puan Rusni binti Mohamed [Ketua Unit Audit Dalam]

3. Puan Afifah binti Sahib [Setiausaha Bahagian (Bahagian Korporat dan Pembangunan Kemahiran)]
4. Encik Muhammad Haikal bin Zamin [Penolong Setiausaha (Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah)]

Kementerian Kewangan (MOF):

1. Puan Nor Azizati binti Hamzah [Setiausaha Bahagian (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]
2. Encik Mohd Hisyamuddin bin Awang Abu Bakar [Ketua Seksyen Pelaburan Khas, Hartanah & Perladangan (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, terima kasih atas kerjasama daripada rakan-rakan sekalian. Jadi tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Hajah Shahrazat binti Haji Ahmad untuk memulakan pembentangan. Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: Terima kasih Yang Berhormat Puan Teresa, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Ahli-ahli ex-officio, wakil-wakil daripada KKDW, Kementerian Kewangan dan juga daripada FELCRA.

■1440

Sebagaimana yang dimaklumkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, pada petang ini, hadir bersama saya adalah Dato' Roslan bin Mahmood dan juga Encik Ismi. Kami bertiga akan sama-sama memaklumkan berkaitan dengan status terkini syor-syor. Sebanyak sembilan syor yang telah diberikan kepada kami untuk dibuat tindakan. Justeru itu Yang Berhormat, saya teruskan kepada slaid yang pertama. Slaid yang pertama.

Untuk makluman, pengurusan perolehan ladang sawit oleh FELCRA di bawah KKDW ini merupakan salah satu isu yang telah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Siri II tahun lepas yang mana dia di bawah satu tajuk, di bawah Pengauditan Prestasi Syarikat Persekutuan di mana FELCRA ini merupakan salah satu syarikat yang diperbadankan dan dimiliki oleh Menteri Kewangan diperbadankan. PAC Parlimen telah pun memutuskan untuk membawa isu ini iaitu dalam bentuk sembilan syor yang telah diputuskan. Maka, pada hari ini pihak kami akan membawa pemakluman berkaitan dengan status terkini untuk syor-syor yang berkaitan.

Tapi sebelum itu, untuk dimaklumkan bahawa satu sesi verifikasi telah pun diadakan, telah pun berlangsung pada 16 April lalu bagi melawat salah satu daripada

perolehan estet iaitu Estet Telupid di Sandakan, Sabah yang telah dihadiri oleh YB Puan Vivian bersama-sama dengan beberapa wakil daripada MOF dan juga daripada FELCRA Berhad dan juga daripada Sekretariat PAC sendiri. Untuk itu, sebelum saya teruskan, ada sedikit video untuk kita tayangkan. Tak lama, dua minit sahaja, berkisar tentang lawatan verifikasi ini. Silakan.

[Tayangan video dimainkan]

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, perkara lanjut berkaitan dengan status terkini Estet Telupid akan kami maklumkan semasa pembentangan syor ini nanti. Seterusnya, kepada sembilan syor berkaitan. Okey, ini adalah sembilan syor yang berkaitan.*[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Pembentangan bagi kemajuan syor-syor ini akan disampaikan oleh kami bertiga yang mana syor kedua akan disampaikan oleh Dato' TKSU Pembangunan, kesembilan akan dimaklumkan oleh saya dan bakinya akan dimaklumkan oleh Encik Ismi sendiri.

Untuk makluman, kesemua syor-syor ini telah pun diambil tindakan yang mana pada hemat kami dua perkara telah pun — telah selesai diambil tindakan dan bakinya merupakan satu tindakan berterusan yang perlu kami ambil yang mana kalau kami dapat cerakin ataupun *classify*-kan kesembilan syor-syor ini, dua adalah melibatkan SOP yang mana telah pun selesai dilaksanakan, syor satu dan syor tiga. Tiga lagi syor merupakan satu penambahbaikan kepada tadbir urus, manakala baki syor adalah merupakan hala tuju bagi perolehan ataupun estet, perolehan estet yang dilaksanakan ini.

Seterusnya, sebelum kami pergi kepada pemakluman kemajuan syor-syor ini, sedikit ruang diberikan kepada TKSU KKDW untuk menyampaikan sedikit ucapan.

Dato' Dr. Roslan bin Mahmood [Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk. Yang Berhormat Puan Teresa Kok...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* YB dah datang.

Dato' Dr. Roslan bin Mahmood [KKDW]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* YB Mas.

Dato' Dr. Roslan bin Mahmood [KKDW]: Ha, Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin - Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim - Timbalan Pengerusi Jawatankuasa

Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Datuk, Dato', Dr., tuan, puan Ahli PAC, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PAC kerana memberi peluang kepada pihak KKDW dan FELCRA untuk memberikan penjelasan berhubung dengan tindakan susulan yang diambil terhadap syor PAC bagi pengurusan perolehan ladang sawit oleh FELCRA Berhad. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk mengawal selia FELCRA, KKDW amat komited untuk memastikan pengurusan FELCRA terus ditambah baik agar pengurusan FELCRA kekal teratur, telus dan berlandaskan prinsip tadbir urus korporat yang baik. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: Yang Berhormat Datuk Pengerusi, seterusnya kami pergi kepada pemakluman perkembangan syor-syor yang berkaitan. Seperti yang saya maklum tadi, syor dua oleh KKDW, syor sembilan oleh MOF, bakinya adalah akan disampaikan oleh Encik Ismi sendiri. Silakan Encik Ismi untuk syor pertama.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI. Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin - Pengerusi PAC Parlimen Malaysia, di sini saya ingin menyampaikan salam hormat daripada Pengerusi FELCRA, Yang Berbahagia Dato' Sri Ahmad Jazlan bin Yaakub kepada Datuk Wira dan semua Ahli-ahli PAC. Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim - Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad - Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), wakil daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Dr. Roslan bin Mahmood - Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW, pegawai-pegawai urus setia PAC, wakil-wakil daripada jabatan, kementerian-kementerian serta semua pegawai kerajaan dan juga pegawai FELCRA yang hadir yang saya hormati sekalian.

Sebelum saya membentangkan syor, pertama sekali izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi serta seluruh ahli jawatankuasa kerana memberi ruang kepada FELCRA Berhad untuk hadir dalam prosiding tindakan susulan pengurusan perolehan ladang sawit oleh FELCRA Berhad ini.

■1450

Kehadiran kami pada hari ini adalah manifestasi komitmen FELCRA terhadap prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dalam setiap aspek pengurusan syarikat.

Mesyuarat pada hari ini memberi peluang kepada kami untuk menjelaskan secara terperinci berhubung syor PAC bertarikh 3 Mac 2026 berkaitan tindakan susulan pengurusan perolehan ladang sawit oleh FELCRA Berhad. Kami menyedari bahawa perkara ini mendapat perhatian serius jawatankuasa dan masyarakat. Justeru, FELCRA beriltizam untuk memberikan penjelasan yang jelas, menyeluruh dan berfakta.

FELCRA Berhad sentiasa berusaha memperkukuh strategi perniagaan dan operasi perladangan, bukan sahaja bagi menjana pendapatan yang mampan tetapi juga untuk menampung mandat sosial yang telah diamanahkan kepada kami sejak penubuhan FELCRA. Kami percaya bahawa langkah-langkah penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan akan meningkatkan keberkesanan operasi, memperkukuh daya saing serta memastikan kelangsungan FELCRA sebagai pemangkin pembangunan luar bandar dan kesejahteraan rakyat.

Sebelum saya membentangkan laporan seterusnya, kami amat menghargai segala pandangan, teguran dan saranan daripada Yang Berhormat Pengerusi serta ahli-ahli PAC. Kami yakin prosiding ini akan menjadi wadah penting dalam memperkukuhkan integriti dan keberkesanan FELCRA Berhad demi kepentingan negara dan rakyat.

Seperti mana Yang Berbahagia Datuk Shahrizat maklum tadi, terdapat sembilan syor PAC yang telah pun dibentangkan pada 3 Mac 2026.

Syor yang pertama adalah FELCRA perlu melaksanakan penilaian bebas (*independent valuation*) dan *due diligence* oleh perunding luar bertauliah untuk semua perolehan ladang-ladang komersial baru. Sebarang perlanggaran SOP baru yang mewajibkan penilaian pihak ketiga selepas tarikh kuat kuasa SOP iaitu pada 15 Ogos 2025 mesti dikenakan tindakan tatatertib atau perundangan yang tegas tanpa kompromi. *Next.*

Berdasarkan yang telah disyorkan oleh PAC, FELCRA Berhad telah menambah baik *procedure* operasi standard (SOP) pemerolehan tanah estet baru yang antara lain mewajibkan penilaian daya maju disokong oleh perunding luar *agronomist* serta mewajibkan laporan perunding luar ini dibentangkan kepada lembaga pengarah sebelum keputusan berkaitan perolehan dibuat. Jadi, SOP ini telah pun dibuat pindaan pada 15 Ogos 2025 oleh Cawangan Perancangan Estet Komersial dan ianya telah dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 246/2026 bertarikh 9 Mac 2026 dan telah pun diluluskan oleh lembaga pengarah. Hasil daripada pindaan SOP ini, ianya juga telah diambil maklum oleh pihak Jabatan Audit Negara. Ini berkaitan dengan syor yang pertama. *Next.*

Berdasarkan SOP pemerolehan tanah estet baru FELCRA Berhad yang telah ditambah baik ini, ringkasan proses kerja yang terlibat adalah seperti berikut.

Pertama, Jawatankuasa Pelaksana Pemerolehan Estet Komersial akan membentangkan laporan kaji kesesuaian awalan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemerolehan Tanah Estet Komersial yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad.

Langkah yang kedua, lantikan perunding luar dan perunding anak syarikat akan dilaksanakan bagi tujuan melaksanakan penilaian daya maju (*due diligence*) serta penilaian nilai pasaran secara objektif sebelum membuat sebarang keputusan perolehan.

Langkah yang ketiga, laporan perunding luar akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan dan Risiko dan seterusnya dibentangkan kepada lembaga pengarah sebagai dokumen sokongan penting dalam membuat keputusan pelaburan. Kajian menyeluruh juga akan dilaksanakan bagi menilai aspek kewangan sebelum memuktamadkan sebarang kelulusan. Okey, *next*.

Seterusnya, SOP pemerolehan tanah estet baru yang telah ditambah baik perlu dipatuhi sepenuhnya oleh semua pegawai yang terlibat di dalam tugas ini. Sebarang pelanggaran terhadap SOP akan dikenakan tindakan sewajarnya berdasarkan kepada punca kuasa yang berkaitan dengan merujuk kepada polisi dokumen dalaman (IDP) yang dibaca bersekali dengan Peraturan-peraturan Kelakuan dan Tatatertib FELCRA Berhad dan Prosedur Tatatertib FELCRA Berhad tahun 2020.

Jadi di sini di FELCRA, kita ada dua. Satu, polisi dokumen dalaman yang berkuat kuasa pada 30 Mei 2023 dan kita juga mempunyai Peraturan-peraturan Kelakuan dan Tatatertib FELCRA Berhad dan Prosedur Tatatertib 2020. Jadi, sebarang tindakan adalah berdasarkan kepada polisi dan peraturan-peraturan ini, ya sekiranya ada pelanggaran dari segi SOP. Okey, *next*.

Itu adalah berkaitan...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh saya tanya?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Untuk SOP yang dah dibuat ni, yang telah pun diperkenalkan sejak daripada Oktober tahun lepas ya...

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Berapa banyak yang telah pun melalui proses melalui kaedah SOP yang terbaru diperkenalkan?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Untuk makluman Datuk Wira Pengerusi, selepas pembelian empat estet ini, hingga kini FELCRA tidak membeli apa-apa estet baru.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Memang belum ada lagilah?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi, maksudnya standard SOP tu belum lagi teruji ataupun diguna pakai lagi?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, tapi tambah baik telah pun dibuat dan telah pun diluluskan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Kalau mengikutkan SOP tu, mengikut peraturan-peraturan dan juga IDP yang tadi ya, berapa masa – berapa dia punya tempoh masa KPI yang diperlukan untuk melalui semua proses tersebut?

Seorang Ahli: 30 hari.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Cuma untuk makluman, sebenarnya kita ada *next slide* yang berkaitan dengan – adakah yang Datuk Wira maksudkan tadi berkaitan dengan selepas kelulusan lembaga pengarah untuk perolehan estet ataupun yang mana?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang maksudnya daripada awallah. Maksudnya yang berkaitan dengan SOP tu tadi kan sebab kita punya syor adalah untuk melaksanakan penilaian bebas dan juga ada perunding luar bertauliah semua. So, yang daripada awal tu berapa tempoh masa? Sebab belum ada kes lagi kan bermula daripada awal. Sebab tu saja saya nak tahu ada tak tempoh masa yang ditetapkan ataupun belum ada tempoh masa lagi yang dibuat.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, saya minta pegawai Encik Azam ya untuk memberi penjelasan.

Encik Azam Azi bin Rusdi [Pengarah Perancangan Strategik FELCRA]: Terima kasih Encik Ismi. Yang Berhormat Pengerusi PAC, saya bacakan terus ringkasan daripada SOP kami di dalam *page 9* para 5.2 (b)(f) "*Tempoh penyediaan laporan yang diserahkan perunding ataupun anak syarikat yang terlibat adalah sekitar satu hingga dua bulan*". Itu hanya untuk penyediaan laporan bagi perunding luar. So, satu hingga dua bulan. So, proses dalaman lagi kita boleh untuk *tabling* dekat Lembaga FELCRA Berhad akan mengambil masa tidak kurang daripada dua bulan. So, kita jangkakan yang sebarang pembelian pun akan mengambil masa tidak kurang empat bulan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya lebih kurang dalam masa empat bulanlah. Okey. Itu yang saya nak tahulah. Terima kasih.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, terima kasih Datuk Wira Pengerusi.

Next, berkaitan dengan syor yang kedua. Syor yang kedua ini akan dibentangkan oleh Dato' Dr. Roslan daripada KKDW, dipersilakan.

Dato' Dr. Roslan bin Mahmood [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat ahli-ahli PAC, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bagi syor PAC yang kedua, KKDW perlu meluaskan skop kawal selia dan pemantauan bagi merangkumi tadbir urus dan keputusan perolehan aset strategik termasuk perolehan yang dibiayai menggunakan dana dalaman syarikat, bukan hanya terhad kepada projek peruntukan pembangunan ataupun DE.

Maklum balas. Jemaah Menteri bertarikh 11 Ogos 2021 telah memutuskan pelaksanaan transformasi FELCRA Berhad dengan melaksanakan pemisahan akaun dan fungsi antara kumpulan mandat sosial dan kumpulan komersial.

■1500

KKDW bertanggungjawab terhadap aktiviti mandat sosial dan Kementerian Kewangan bertanggungjawab terhadap aktiviti komersial. Walau bagaimanapun, sebagai kementerian kawal selia, pemantauan KKDW terhadap FELCRA juga merangkumi aspek pelaksanaan dasar serta hala tuju kerajaan, prestasi perniagaan, tata kelola dan pengurusan kewangan. Pemantauan dilaksanakan melalui mekanisme berikut.

Yang pertama, melalui mesyuarat pengurusan tertinggi KKDW yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kekerapan mesyuarat ini adalah dua minggu sekali ataupun sebulan dua kali. Yang kedua, mesyuarat pengurusan kanan KKDW yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri KSU dan kekerapan mesyuarat juga adalah dua minggu sekali. Yang ketiga, dipantau melalui mesyuarat Jawatankuasa Tata Kelola ataupun JTK yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri KSU dan kekerapan mesyuarat ini adalah sebanyak tiga kali dalam setahun.

Selain itu, KKDW juga memantau hala tuju dan pencapaian prestasi kewangan syarikat melalui bengkel permukiman antara syarikat milikan agensi KKDW yang mana FELCRA Berhad juga merupakan salah satu daripada agensi yang terlibat. Selain itu, bengkel permukiman diadakan sekali setahun dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri

KKDW. Bengkel ini bertujuan menetapkan dan memantau prestasi syarikat secara menyeluruh berdasarkan kepada petunjuk prestasi utama ataupun KPI termasuk menetapkan hala tuju pelan pelaksanaan syarikat.

Dalam konteks ini, tujuh KPI yang telah ditetapkan adalah yang pertama mewujudkan pelan anti rasuah organisasi ataupun OACP. Yang kedua, mewujudkan pengurusan risiko. Yang ketiga, mendokumenkan semakan *limit of authority*. Yang keempat, aktiviti *cross-selling* di kalangan syarikat agensi KKDW. Yang kelima, *diversification* ataupun *venture* perniagaan baharu. Yang keenam, mengekalkan nisbah kewangan sihat dan yang ketujuh, jaringan kolaborasi luar ataupun global.

KKDW juga telah mengadakan bengkel pengukuhan tadbir urus syarikat milikan agensi yang bertujuan untuk menyemak garis panduan dan pelaksanaan tadbir urus oleh syarikat. Selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, terdapat 12 Pegawai Kanan KKDW yang menganggotai Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad iaitu seorang untuk Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad dan 11 orang pegawai bagi anak syarikat.

Ahli Lembaga Pengarah ini juga berperanan seperti berikut. Yang pertama, untuk memastikan syarikat mematuhi dasar kerajaan di samping menjaga kepentingan kerajaan di dalam syarikat berkaitan. Yang kedua, memudahkan pemantauan operasi syarikat secara *hand-on* bagi mengelakkan syarikat tersasar daripada objektif penubuhannya. Yang ketiga, memastikan penubuhan syarikat berfungsi sebagai entiti yang berdaya saing dan juga memenuhi obligasi sosial mereka sejajar dengan dasar pembangunan luar bandar. Dan yang keempat, melaporkan isu-isu penting yang melibatkan kerajaan seperti isu kewangan, ketidakpatuhan undang-undang dan isu sensitif kepada Bahagian Korporat dan Pembangunan Kemahiran KKDW.

Itu sahaja Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Terima kasih.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, terima kasih kepada Dato' Dr. Roslan. Berikutnya...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada soalan untuk yang syor nombor dua Ahli PAC? Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Seperti mana yang kita maklum bahawa FELCRA berusaha untuk meningkatkan bank tanah ini untuk syarikat terus berdaya maju pada masa akan datang. So, apabila isu-isu ini berlaku FELCRA terpaksa *hold*-kan dululah. Setakat saya tahu pelan transformasi ini hanya baru 13 peratus pemilikan tanah daripada sasaran awal. So, nampaknya FELCRA tidak lagi untuk membeli tanah ataupun pemilikan baru tanah. So, apa langkah seterusnya untuk FELCRA bila SOP-SOP yang baru yang diperkenalkan ini, adakah FELCRA

masih lagi ingin meneruskan pemilikan tanah, sasaran pemilikan tanah? Terima kasih.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, terima kasih YB Tampin. Untuk makluman YB Tampin, bolehkah saya tangguhkan menjawab? Sebab jawapan ini ada dalam syor yang kelapan. Ada dalam syor yang kelapan, okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita tangguhkan jawapan itu dulu . Okey, ada soalan lain untuk syor yang kedua? Kalau tak ada, *then* kita pergi ke syor yang ketiga.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, terima kasih. Untuk syor yang ketiga adalah berkaitan FELCRA hendaklah mematuhi SOP baru yang telah dikuatkuasakan yang mana garis masa minimum ditetapkan dalam tempoh masa 15 ke 30 hari untuk menandatangani perjanjian perolehan ladang-ladang komersial baru seperti mana yang disebut oleh rakan saya tadi Encik Azam, itu merupakan proses sebelum dibawa ke lembaga pengarah. Jadi, itu pun dalam tempoh tiga ke empat bulan. Bila telah dibawa ke lembaga pengarah, syor seperti mana yang disyorkan oleh PAC ini, kami juga telah membuat tambah baik di dalam SOP. So, FELCRA Berhad telah menambah baik SOP pemerolehan tanah estet baru FELCRA Berhad dengan memasukkan tempoh masa *cooling-off period* untuk menandatangani perjanjian selepas kelulusan ahli lembaga pengarah dalam para 5.5.1.1(1).

Jadi, tempoh masa satu hingga 14 hari pertama bagi tujuan pemakluman dan semakan dokumentasi. Berikutnya, tempoh masa 15 hingga 30 hari untuk perjanjian ditandatangani. Ini bagi mengelakkan seperti mana dalam Laporan Ketua Audit Negara berkaitan dengan tindakan tergesa-gesa tersebut. Jadi, di sini ada lagi tempoh 30 hari selepas daripada kelulusan lembaga pengarah. Tujuan penetapan tempoh masa ini adalah bagi menyediakan masa dan ruang secukupnya untuk semua pihak yang terlibat bagi meneliti keseluruhan aspek perjanjian sebelum dokumen undang-undang ditandatangani dan proses pindah milik disempurnakan. Jadi, syor yang ketiga pun telah dimuktamadkan dan telah pun selesai seperti mana yang dibentangkan oleh Datuk Dr. Shahrazat tadi.

Boleh saya teruskan dengan syor keempat? Okey, terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Syor PAC yang keempat, FELCRA hendaklah melaksanakan audit dalaman secara sukuan tahunan bagi menyemak pematuhan 100 peratus terhadap SOP yang diperkukuhkan khususnya melibatkan penilaian bebas oleh pihak ketiga serta keperluan untuk wakil-wakil kementerian hadir secara fizikal dalam mesyuarat yang mempertimbangkan perolehan ladang-ladang komersial baru.

Audit ini perlu dibentangkan untuk pertimbangan lanjut Lembaga Pengarah FELCRA. Berdasarkan syor PAC yang keempat ini, audit dalam berfungsi secara

bebas dan dalam konteks ini, audit dalam FELCRA Berhad akan melaporkan terus kepada lembaga pengarah serta jawatankuasa audit dan perlu diasingkan daripada pengurusan harian. Ini berdasarkan *Global International Audit Standard*, klausa Standard 7.3.

Next. Bagi memastikan pematuhan terhadap SOP khususnya melibatkan ...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, saya nak tanya sikit pasal laporan daripada audit dalaman ini. Laporan ni di bentang, dikemukakan kepada siapa? *Direct* CEO kah, *direct* kepada lembaga pengarah kah?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Untuk audit dalam ia nya melaporkan secara bebas bukannya kepada pengurusan tetapi audit dalam melaporkan pertamanya kepada Jawatankuasa Audit dan seterusnya kepada lembaga pengarah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, dia mula-mula kepada CEO lah? Hantar pada CEO tak?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Tak. Dia kepada jawatankuasa...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jawatankuasa Audit ?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Jawatankuasa Audit ...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: ...Yang dianggotai oleh lembaga pengarah, sebahagian daripada lembaga pengarah dan seterusnya kepada...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau kepada CEO tak boleh.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, tidak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

■1510

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya. Berikutnya bagi memastikan pematuhan terhadap SOP khususnya melibatkan penilaian bebas oleh pihak ketiga serta keperluan untuk wakil-wakil kementerian hadir secara fizikal dalam mesyuarat yang mempertimbangkan perolehan ladang-ladang komersial baharu, kumpulan audit dalam FELCRA Berhad akan melaksanakan pengauditan terhadap cadangan perolehan ladang-ladang komersial baharu yang akan datang.

Laporan hasil daripada pengauditan ini akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Audit FELCRA Berhad terlebih dahulu dan seterusnya, akan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Okey, *next*.

Ini adalah berkaitan dengan perancangan audit dalam FELCRA bagi tahun 2026, yang mana terdapat jumlah keseluruhannya 30 skop pengauditan yang terdiri daripada Auditan Operasi sejumlah 18, Auditan Khas sebanyak lima, Auditan IT – dua dan Auditan SPOT ada lima. Jadi, keseluruhannya tahun ini, audit dalam akan melaksanakan pengauditan sebanyak 30 pengauditan, ya.

Dan, sekiranya terdapat pemerolehan aset baharu, ia nya akan dilaksanakan oleh pihak pengauditan juga. Tetapi, memandangkan perkara ini belum diselesaikan, jadi FELCRA telah pun menangguh dari segi pemerolehan estet ataupun estet-estet komersial ini. Ini berkaitan dengan syor yang keempat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Siapa yang mengetuai audit dalaman ini? Siapa yang mengetuai?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Yang mengetuai adalah Puan Mariah binti Husain. Beliau adalah Ketua Audit Dalam FELCRA Berhad. Saya perkenalkan Puan Mariah.

Puan Mariah binti Husain [Ketua Audit Dalam, Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)]: *[Berdiri di hadapan Jawatankuasa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, baik. So, *independent from management*, ya?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Puan Mariah adalah audit dalam daripada FELCRA. Ya, daripada FELCRA tetapi beliau me-report ataupun repot terus kepada Jawatankuasa Audit.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Direct?*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Bukan kepada CEO ataupun pengurusan. Terima kasih. Saya teruskan dengan syor PAC yang kelima. FELCRA dikehendaki menyemak semula dan membuat pengiraan secara terperinci bagi unjuran pulangan pelaburan atau ROI – *Return On Investment* yang realistik menggunakan kaedah yang lebih wajar dan mengambil kira segala kos yang terlibat.

Berdasarkan hasil daripada syor PAC ini, pihak pengurusan FELCRA telah pun membuat pengiraan semula unjuran pulangan pelaburan atau ROI adalah berdasarkan kepada tiga faktor asas yang utama.

Yang pertamanya, tentang harga minyak sawit mentah (MSM) semasa. Itu faktor yang pertama. Faktor yang kedua berkaitan dengan faktor umur pokok sawit, dan faktor yang ketiga berkaitan dengan peningkatan kos operasi yang meningkat ketika ini. Dan, selepas pihak pengurusan ataupun pihak...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya rasa, tiga faktor yang disebutkan tadilah, Datuk CEO, dia sebenarnya dia – apa – dipanggil *key results area*-lah ya, yang menentukan *revenue* dan juga menentukan untung rugi

syarikat. *Actually, key result area*-lah, macam bidang yang menjadi kunci kepada pencapaian syarikatlah.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Betul tak? Betul ya?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, cuma untuk faktor yang pertama, harga MSM itu adalah di luar kawalan disebabkan ia berdasarkan harga pasaran semasa.

Manakala, faktor yang boleh dikawal secara dalaman – pertamanya adalah dari segi kos operasi dan yang kedua, faktor umur yang mana, sekiranya terdapat melebihi daripada 25 tahun, ia nya perlu dilaksanakan *replanting*. Jadi, yang ini dua yang pihak kami boleh membuat kawalan, ya.

Jadi, berdasarkan kepada tiga-tiga faktor ini, kami telah pun membuat semakan semula terhadap empat estet yang kami membuat perolehan pada tahun 2022 dan 2023 ini, dan pengiraan terkini unjuran bagi tiga buah estet adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual Perbandingan: Unjuran Asal dan Semakan Semula ROI seperti berikut.

Saya mulakan dengan tiga estet di Gua Musang, Kelantan terlebih dahulu, yang dibeli pada tahun 2022 untuk Estet Dabong 2022, Sungai Rawit 2 dan 2023, Aring. Aliran tunai asal, purata hasil untuk Dabong 17 metrik tan dengan kiraan harga pada ketika itu, pada tahun 2022, RM3,750 metrik tan untuk...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *It's a* purata – harga purata untuk setahun ya?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, purata untuk satu pusingan ya. Jadi, pada ketika itu, bila unjuran ini dibuat, ROI untuk Dabong adalah tahun ke-18 ataupun 2040, Sungai Rawit 2 tahun ke-19 dan Aring tahun ke-16.

Walau bagaimanapun, setelah dibuat semakan semula, kami mendapati *yield* tetap kekal dan kami percaya ia nya boleh dicapai, seperti mana aliran tunai asal. Walau bagaimanapun, apabila kami membuat semakan harga pada masa kini, yang pada ketika ini, harga sekitar RM4,500 dan sekiranya harga ini, RM4,500 secara *average*-nya, ia nya akan bertambah baik daripada aliran tunai asal iaitu untuk Dabong daripada tahun ke-18, ia akan memberi ROI pada tahun ke-14, sekiranya harga RM4,500. Begitu juga dengan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dato' Pengerusi, saya nak tanya yang harga ini, dia unjuran lah, unjuran?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, ini adalah unjuran.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kita tak pasti harga dia naik turun, kan.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sekarang, mungkin dalam RM4,500. Tetapi, yang dua tahun, lima tahun akan datang, berpuluh tahun dia berbeza.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, you kena ada *what if*. Kalau dia turun RM3,000, *how much? This is a matter of your* – apa ini – *estimate*. Yang *you* boleh buat unjuran termasuk unjuran aliran tunai.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau RM4,500, memang baguslah. Tetapi, *at the same time*, kalau sampai 2036, *you* punya kos dah meningkat ya. Semuanya meningkat. Dia akan mengubah segala apa yang dibuat unjuran di sinilah. Tak tahu macam mana *you* nak betul-betul tawar realiti unjuran untuk sampai ke 12 tahun yang akan datang, 2036-2038 dan sebagainya. Yang itu *is the big question mark*.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Memang dalam kertas ini cantiklah, RM4,500. Dia mungkin turun RM3,500.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Mungkin kos *sure* meningkat.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Betul.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Apa dia?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sekarang, dah RM4,500.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Memang RM4,500. Saya *chairman one plantation company*. So, I know. *[Ketawa]* Okey.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Seperti mana yang saya sebut tadilah, faktor harga ini memanglah satu yang di luar daripada kawalan kami dan ini adalah berdasarkan unjuran yang kami buatlah, ya.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Satu lagi, purata hasil ini. Dia mesti berubah purata hasil dia. Bukan sama, ya?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Betul.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ada yang pokok saya tak tahu pokok itu pokok lama. Mungkin, dah sampai tahap nak terbang dah.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: So, adakah sejak 2022 ini, hasilnya – purata hasil ini bertambah ataupun berkurangan bagi ketiga-tiga estet ini?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey. Okey, saya minta ini daripada Pengarah Perladangan, Encik Anuar.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Perkenalkan diri sayalah, Encik Anuar Merican bin Akbar Merican lah, Pengarah Perladangan FELCRA Berhad.

Yang ini adalah – purata ini bukan *flunctuate*. Contoh, di Dabong, kita bukan 17 lah dan sekarang ini, umur pokok di Dabong pada tahun ke-11. Ertinya, Yang Berhormat lah, dia *fluctuate* daripada sekarang ini, mungkin dalam 15, 17. Dia ada *peak*. Maksudnya, dia akan *low*. Bila umur ke-20, dia akan *low*. *Low season*-lah. Dia macam *bell shape*-lah hasil.

Ini 17 kita ambil 25 years, kita ambil purata 17. Tetapi, hasilkan dalam masa 10 — mula-mula kan, 10-12. *Peak* ini 17, dia boleh pergi ke 19-20 tetapi lebih umur 20, dia akan turun. Dia *bell shape*, Tuan Pengerusi.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kalau bandingkanlah daripada awal pemilikan tanah dengan ini dah *two years, three years*, bagaimana keadaan dia? Perbezaan?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Perbezaan untuk hasil ini?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Hasil.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, kita rasa kita ada slaid pencapaian hasil dengan dia punya *profit*-lah. *Proceed* nanti kita nantilah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Okey.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ada slaid, enam dan tujuh. Pencapaian hasil sampai Mac dan pencapaian hasil sampai April.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Dia punya penghasilan dengan dia punya *profit*, Pengerusi. Akan jawab nantilah.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey. Encik Anuar teruskan. *Next slide. Next.*

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkenalkan diri sayalah tadi. Untuk langkah penambahbaikanlah yang kita akan kenal pasti untuk Estet Telupid, Tuan Pengerusi. Okey, *next*.

Ya, ini program tanam semulalah. Dalam *writing* pun kita dah tulis. Untuk Estet Telupid ini, fasa pertama *last year*, kita dah buat hampir 214 hektar lah, dengan kos PA ini, pertanian *replanting* RM5.8 juta. Fasa kedua 2026, kita pun baru *start* 15 Jun ini.

Jadi, keseluruhan kawasan 787 ini, RM21.3 juta. Jadi, kos *replanting* ini RM21.3 juta, kita akan masuk dalam *cashflow* kitalah. *Cashflow* baharu untuk Telupid ini, Tuan Pengerusi.

■1520

Penambahbaikan untuk Estet Telupid, ini penggunaan bahan berkualitilah ke kawasan Telupid ini kita akan guna benih Felda lah. Felda ini klon dia yang Yangambi. Prestasi pun dah hampir menanamlah. Fizikal dah siap. Prestasi menanam dah 40 *percent*-lah. Saya rasa dalam dua, tiga bulan ini penanaman fasa pertama akan siap Pengerusi. *Okay, next*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap. Gambar yang tadi apa beza dia? Gambar pertama, gambar kedua? [*Merujuk kepada slaid pembentangan*] Sorry ya, tak tahu.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Dia pokok sawitlah, Pengerusi. [*Ketawa*]

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, okey. Ya, tahu pokok sawit, tapi apa beza dia?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Pokok... [*Ketawa*]

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya mana satu guna yang berkualiti?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Dia *view* yang berlainanlah, Pengerusi. Tapi kawasan pokok yang tinggi-tinggi, kita — saya maklum, kita guna benih Felda lah, Pengerusi, DxP, tapi *view* yang samalah — tapi *view* lainlah Pengerusi. Dua keping gambar, *view* berlainan Pengerusi. [*Ketawa*] Okey. Baru tanam, Pengerusi. *Insya-Allah*.

Okey, baja *Nugget*, Pengerusi. Ini untuk kawasan-kawasan hilir ini, baja *Nugget* senang untuk kita nak buat — kalau kita guna baja granular, baja turun ini susah. Baja *Nugget* ini senang untuk *leaching*. Kawasan ini kawasan berbukit, hujan pun tinggi di Sabah ini. Kita guna bentuk *nugget*, *insya-Allah* lah Pengerusi, ini pun dalam syor kami pun kita ada sana.

Penggunaan teres semestinya lebih lima meterlah. Ini kawasan tadi pun dalam video pun ada. Kita nak buat teres pun pakai *excavator* ini. Kalau

Semenanjung, kita guna *bulldozer*. Jadi, *insya-Allah* dah hampir siap ya. YB Sandakan pun ada turun ya YB ya. Ada sahkanlah untuk gambar ini. *Insya-Allah*, kita akan buat terbaiklah Pengerusi. Okey. *[Ketawa] Insya-Allah. Okay, next.*

Ini mengenai kemudahan penambahan jalanlah, ladang baharu. Nanti jalan ini boleh akseslah ke kawasan-kawasan teres. *Insya-Allah*, bila teres ini boleh bersambung dengan jalan, pengeluaran hasil akan bertambahlah Pengerusi. *Okay next.*

Ini yang saya nak bagi senario pada Estet Telupid, Pengerusi. Estet Telupid dibeli pada 2022. Kita buat unjuranlah, asal 16 metrik tanah dengan harga asal RM3,750. Itu tahun kesembilan, itu tahun ke 2030. Tapi bila kita buat unjuran asal, kita — tuan-tuan boleh lihat pada terendahlah. Kita ambil *worst case*-lah, 14.11. Kita akan ROI dalam tahun ke-23, 2044. Itu kita *worst case*-lah. Asas (*basic*), 19.53 tahun ke-21. Tapi terbaik, kita ambil terbaik dalam tahun ke-19 lah, 2040. Jadi, kita ambil ada *worst case*, sederhana dan terbaiklah. Jadi, *insya-Allah* bila *replanting* ini kita akan buat yang terbaiklah Pengerusi dengan harga CPO 4,500 lah purata. Jadi, tahun ke-19, *insya-Allah* Estet Telupid, Pengerusi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya nak tanya, *you all* ada buat, ada buat *breakeven analysis* tak? *Changing the price, production cost. You* ada buat *breakeven analysis* tak?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Because* dia semua ini akan memberi kesan kepada *revenue, profit. Your paid up, payback period* itu bergantung kepada *your profit*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So, have you done the breakeven analysis?*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Pengerusi, saya buat perbandingan *cashflow* asal. Kita pun ada buat Pengerusi. *Cashflow* asal ini, kos keseluruhan termasuk pembelian ini RM105 juta. Kos pembelian, RM62 juta. Harga diesel kita buat dalam RM3.80. Kos diesel, RM8.03. Bila *cashflow* baru ini, dengan kenaikan harga diesel, kita ambil maksimum RM7 ini, kenaikan harga diesel ini, daripada lapan juta...

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Kejap Encik Anuar ya. Apa yang YB Kubang Pasu tanya tentang *breakeven* dan sebenarnya di peringkat Kumpulan Perladangan ada melakukan simulasi kepada dua kaedah. Pertamanya, sekiranya hasil naik ataupun turun, itu satu. Yang kedua berkaitan dengan perubahan harga ya.

Kalau kata harga naik berapa, harga turun berapa, ia naik berapa, ia turun berapa. Bermakna dari segi analisa berkaitan dengan itu memang ada dibuat. Cuma slaid hari ini, yang ditunjukkan ini adalah berdasarkan kepada *yield*. Sekiranya *yield* turun kepada 14.11, bermakna ROI dia akan lebih panjang dan asas 15.3, pertengahan dan terbaik iaitu lebih pendeklah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, nak tanya fasal *Nugget*, baja *Nugget* itulah kan. Daripada asal mana baja ini, daripada Ukraine kah, daripada mana kah *and how is the cost going to be affected by Strait of Hormuz* punya krisis?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, Pengerusi. Untuk baja *Nugget*, ia dikeluarkan oleh anak syarikat kitalah, Diversatech (M) Sdn. Bhd lah. Syarikat — kita ada dua anak syarikat, FELCRA Niaga dan Diversatech. Harga dalam RM3,750 *ex-project*, Pengerusi. Kita guna untuk penanaman *replanting*-lah. Kita ada anak syarikat kami, Pengerusi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Baja?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Baja dalam bentuk *nuggets*-lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Raw material* itu dapat dari mana?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: *Raw material* kita ambil daripada SOA, urea. Kita kalau macam sekarang ini, kalau urea ini kita ambil — selalu kalau MOP, *Russian*. Kalau macam SOA, SOA daripada bahagian *Egypt RP*, *Egypt*-lah. Tapi kalau urea ini kita nak kurangkanlah fasal urea ini guna petroleum. Sekarang ini, untuk pusingan kedua, kebanyakan syarikat baja dah *convert* daripada urea kepada SOA ataupun *ammonium chloride*. SOA dan *ammonium chloride* ini daripada lombong, mudah. Urea ini syarikat baja dah mula kurangkanlah fasal urea ini nak kena *based* petroleum, Pengerusi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak ada kesan kah *you* kurangkan urea dalam...

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Dia...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: ...untuk produktiviti, dia punya *growth*, tak ada kesan? Mesti ada kesan, kan?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya lah, kalau tak...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau tidak, tak ada kesan mesti orang tak *stop* pakai urea daripada dulu lagi.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya. Urea ini untuk kawasan-kawasan yang guna *peat soil*-lah. *Peat soil*. Jadi, kita boleh — syarikat baja dia ada tiga *source end*, daripada *ammonium sulphate*, ini yang tadi saya cerita, *ammonium chloride* dengan urea. Jadi, dengan keadaan harga yang tinggi, syarikat

akan pilih harga yang terbaiklah fasal — harga yang terbaik dan — tapi dia punya sumber *source end* itu, dia bagi benda yang sama juga.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi berapa peratus daripada *your total cost*, kos baja? Kalau dia *small*, dia tak signifikanlah. Kalau kos dia tinggi, berapa peratus *of the total cost* itu kos baja?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, menjawab soalan YB ini, kos pengeluaran kita ini kan, kos baja hampir 40 *percent*-lah daripada kos pengeluaran kitalah untuk pengeluaran sawit Pengerusi. 40 *percent*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya tanya semua ini sebab semua faktor-faktor ini memberi kesan kepada *you punya long-term that we're talking about, payback period, you punya cashflow. It look simple but* bila sampai masa *you know the problem*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *And* boleh tak — sebab kami ini bukan orang *plantation*, kan. *[Ketawa]*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang *nitrogen, that is the basic* dalam *your* baja itu, kan.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Selain daripada yang *petroleum product...*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: ...tak bolehkah dapat daripada yang *natural resources? We're talking about sustainability* Cakap 14 apa? 2044, *which is what? 50 years from now*. Ya kah? Betul kan?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya, ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, kita ni ada ikan. Ikan yang busuk dan sebagainya, *all carcass and all that. I don't know. It's up to the scientific people* untuk R&D dan sebagainya menggunakan apa yang ada pada kita *instead of copy paste whatever has been done*.

Eloklah, tadi kata ada perubahan dan sebagainya. Tapi yang ikan-ikan busuk ke benda itu, *that's also part of protein, nitrogen and all that*, kan? So, *the problem is there, the solution is there*, daripada kita nak bergantung dengan orang lain, kan.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya, betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kita ini, *we are maritime* punya negara. *That's a soalan*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Boleh. *Insya-Allah*. Kita terima pandanganlah Pengerusi. *Insya-Allah*, YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, saya nak tanya yang tentang baja ya. Baja yang dikeluarkan oleh FELCRA sendiri, kan.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, dia adakah ia cukup untuk digunakan oleh semua ladang di bawah FELCRA atau separuh saja?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, terima kasih Pengerusi. Untuk makluman Yang Berbahagia YB Seputeh ya, kita, FELCRA Berhad ada dua anak syarikatlah; satu FELCRA Niaga, satu Diversatech ya. Kita hampir 80 percent-lah pengeluaran baja di-supply oleh anak-anak syarikat kamilah. Kita ada juga *source*, *source* luarlah. Contoh, MPOB F1. Macam MPOB F1, mungkin Datuk tahu ya, F1 kita pun ada pakai juga tapi di-produce oleh syarikat luar. Tapi 80 percent, kita pengeluaran baja dihasilkan, dibungkus oleh dua anak syarikat kami yang baik inilah. Kami import *raw*, dia boleh *produce*. Tapi syarikat — baja-baja macam F1 kah, F2 kah, kita tak dapat. So, kita order sajalah. Kita ini — tapi dua anak syarikat *is very good*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Soalan saya adalah itu hari apabila kami jalankan lawatan, salah satu cabaran yang saya nampak di estet yang kami bincang adalah dia punya *hilly*. Dia banyak *terrain*, kan. So, *that's why when you plant it's difficult for the soil to maintain there*. Kamu guna *Nuggets* untuk letak itu baja *and all*. So, *and that's why the team came up with another suggestion untuk plant grass that can — a very special grass* lah. Nampak macam *grass* tetapi bukan. *Actually, purposely planted there, right?*

■1530

So, it's all these included in the cost of your maintenance and all. Sebab dan selain daripada itu *all the tools or utilities inside* macam *you* punya jentera, kereta, kenderaan semua pun sangat usang sudah *and some is not working*. Kalau dalam tiga hanya satu yang berfungsi. So, adakah kos ini telah diletakkan dalam untuk di bincang hari ini kah? *Is it inside stated because I* tak nampak macam belum lagi di dalam *the cost* untuk *for you to buy car then* tambah *the operation officers*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey. Menjawab soalan YB Sandakan. Untuk masa lawatan itu kita ada dua tanaman untuk mencegah hakisan. Satu *vertical grass* Tuan Pengerusi, yang macam halus-halus itu yang dia boleh cengkam tanah. Dia punya akar itu boleh pergi satu meter. Dia macam lalanglah iaitu kita akan letak di teres-teres, di jalan-jalanlah. Kekacang itu kita akan letak di tempat teres, tempat menanam pokok. Itu untuk kawalan juga hakisan.

Untuk kos mekanisasi, kita rasa dalam slaid kita adalah untuk kita masukkan jugalah untuk perbelanjaan jentera. Kita faham untuk perbelanjaan jentera itu lama tetapi kita ada pembelian ikut *phase* jangka pendek dan jangka panjang, Pengerusi. Dalam slaid kita akan nyatakan selepas ini. Okey.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, yang berikutnya adalah syor yang keenam ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, YB Sik dia nak tanya soalan yang belakang. Syor lima.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey, syor lima tadi. Yang Berhormat Pengerusi, sikit sahaja. Untuk saya nak dapat kepastian. Aliran tunai semakan semula itu, pulangan pelaburan ROI untuk makna tahun ke-19, 2040. Jadi soalan saya, dalam unjuran awal itu adakah diletakkan tahun ke-19 ataupun unjuran itu sudah diubah dan selepas dilihat ada risiko maksudnya dari segi peningkatan kos dan juga perkara-perkara yang tadi yang sebut soal perladangan di Telupid itu ya.

Isu yang kita timbulkan sebelum ini pun, jadi maknanya dipihak FELCRA sendiri dia tidak ada satu *standardize* untuk mengesan yang kalau disebut sistem amaran awal, *early warning system* ini bagi mengesan pelaburan yang berisiko ini. Jadi, kalaulah kita tidak ada satu mekanisme untuk menetapkan tempoh ROI itu, jadi benda itu dia akan terbuka. Kita akan ubah pula lepas ini kalau tak boleh. Jadi, tahun itu. Jadi, akhirnya maknanya benda itu akan menyebabkan risiko pelaburan itu akan terus terdedah. Jadi, mungkin dipihak dasar itu sendiri bagaimana mekanisme untuk ROI itu diletakkan bahawa ada tempohnya. Maknanya maksimum tempoh dia. Apa yang telah diletakkan garis panduan itu?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey. Terima kasih YB Sik. Pertama, saya ingin menjawab tentang pertamanya yang berkaitan dengan aliran tunai asal berbanding dengan aliran tunai semakan semula. Apabila syor PAC meminta supaya pihak pengurusan FELCRA membuat semakan semula pada Mac 2026 ini, kami telah pun membuat semakan dan pertamanya kami dapati kenapa ianya berubah.

Yang pertama disebabkan oleh pada tahun 2022 belum di-impose gaji minimum. Pada ketika itu, ia mengambil kira gaji minimum RM1,200 tetapi sekarang ini, gaji minimum telah pun meningkat kepada RM1,700. Ini juga memberi kesan kepada ROI.

Kedua berkaitan dengan kos diesel. Kos diesel yang mana pada tahun 2022 kos diesel pada ketika itu berada diparas RM2.00 lebih dan sekarang ini kos diesel komersial mengambil kira mencecah hampir RM5.00. Walaupun di Sabah dan Sarawak di pam masih lagi RM2.15 tetapi FELCRA sebagai sebuah syarikat kami membeli diesel dengan harga komersial. Jadi, itulah salah satu faktor yang

menyebabkan ROI bertambah. Dan satu lagi kos adalah berkaitan dengan kos tanam semula. Kos tanam semula yang pada aliran tunai asal tidak mempunyai kos tanam semula.

Jadi, dengan mengambil kira tiga-tiga kos ini iaitu kos tanam semula, kos kenaikan diesel dan gaji minimum menyebabkan ianya berlaku anjakan daripada tahun kesembilan kepada tahun yang ke-19. Itu untuk makluman YB Sik.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: YB Kuala Pilah.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tuan saya nak tanya sikitlah. Saya lihat gambar tadi ada nampaknya ya lah teres kan. Pembinaan kelapa sawit ini, penanam kelapa sawit ini ada menggunakan jentera tadi. Saya soalan saya, berapa peratus kah penggunaan mekanisasi dalam ladang-ladang di FELCRA ini dan adakah ia membawa kebaikan penggunaan mekanisasi ini? Terima kasih.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih YB. Untuk penggunaan mekanisasi ini, Pengerusi. Yang Berbahagia YB, FELCRA ke arah mekanisasi lah. Kita ada masalah tenaga kerja lah. Kemasukan tenaga kerja dengan ini. Jadi, mekanisasi ini dia boleh meningkatkan produktif pekerja kepada 1.5, 1.6 boleh ke arah dua ke dua setengah metrik tan. Bila ada mekanisasinya di-impose, penggunaan tenaga kerja dapat dikurangkan.

Untuk empat estet ini, kita pun ada syorkan penggunaan mekanisasi fasal kawasan-kawasan *especially* di Telupid ini. Kawasan-kawasan hilir ini kalau tak *mechanize still* lagi manual *wheelbarrow* pun rasa pengeluaran hasil kita, kita dapat secara maksimum lah. Jadi, untuk empat estet ini penggunaan mekanisasi memang kita wajibkanlah ini. Okey, Pengerusi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Boleh teruskan.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, terima kasih. Syor PAC yang keenam, FELCRA perlu memastikan program pemulihan ladang yang kurang berdaya maju diteruskan dan diperluaskan dengan pelan pemantauan prestasi yang lebih ketat dan berasaskan KPI yang jelas. Ini bagi memastikan pelaburan yang telah dibuat menghasilkan pulangan yang baik seperti yang telah disasarkan dan secara langsung menyumbang kepada keuntungan syarikat.

Berdasarkan syor PAC yang keenam ini, pihak FELCRA telah membuat program pemulihan ladang sawit bertujuan untuk meningkatkan semula hasil dan produktiviti kawasan yang terbiar, tua atau tidak produktif yang melibatkan tiga fasa utama.

Pertama, fasa jangka pendek ianya memfokuskan berkaitan dengan penilaian dan perancangan. Ini menyebabkan tahun satu dan tahun kedua. Fasa jangka sederhana iaitu penanaman semula ataupun *replanting* bagi tahun satu hingga tahun kelima dan fasa jangka panjang penjagaan tanaman dan penyelenggaraan ladang. Ini bagi meningkatkan — dengan penggunaan peningkatan teknologi dan juga mekanisasi iaitu tahun satu hingga tahun ke-25.

Seterusnya, saya akan terangkan berkaitan dengan fasa jangka pendek. Jadi, saya minta Encik Anuar.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih. Untuk fasa jangka pendek ini, penilaian dan perancangan ini iaitu meluruh, [*Tidak jelas*] pokok, [*Tidak jelas*] SPH, tahap kesuburan dan sejarah hasil ladang. Boleh jadi kita mengambil masa tiga keenam bulan untuk *replanting*. Bila SPH, bila pokok *area* tersebut bawah 100, kita akan menilai sesuatu ladang itu untuk *replanting* dan hasil dalam masa di bawah 13 metrik tan per hektar. Ini dalam SOP kita.

Untuk pemetaan kawasan, penggunaan pengukuran blok menggunakan GIS dapat meningkatkan ketepatan perancangan dalam masa tempoh sembilan ke-11 bulanlah. Kepentingan GIS ini dapat tentukan blok-blok sempadan lebih tepat dan penggunaan GIS ini senang kita nak buat BQ (*Bill of Quantity*) nak tahu topografi, nak ikut teres. Jadi, teknologi itu nanti dapat membantulah *especially* dalam pemetaan kawasan.

Kedua, *next slide* untuk jangka sederhana ialah penanam semula memerlukan masa tahun satu ke tahun lima. Tadi pun saya dah letakkan benih DxP klon yang terpilih. Macam di Telupid, di FELDA, kita gunakan [*Tidak jelas*] yang berkualiti. Sulaman di bawah lima *percent* lah. Kekacang menanam kekacang penutup bumilah untuk mengawal rumpai dan mengurangkan hakisan dan meningkatkan kesuburan *especially* di kawasan-kawasan teres. Jadi, kepentingannya kekacang ini kawasan-kawasan di Telupid ini jadi senang untuk pertumbuhan pokok. *Next slide*.

Penjagaan tanaman dan penjagaan ladang *field upkeep*, pengurusan nutrien, pembajaan, laporan analisa tanah, daun memerlukan baja tunggal ataupun [*Tidak jelas*] yang tadi saya sebut nugget. Kerosakan perosak dan penyakitlah. Kalau di estet Kelantan kita ada buat pagar elektrik, kawalan parit gajah. Lepas itu, penjagaan ladanglah dilaksanakan secara berkala sepanjang tempoh operasi bagi memastikan akses yang baik untuk pergerakan jentera dan pengangkutan BTS serta kerja-kerja operasi ladang.

■1540

Seterusnya, fasa jangka panjang terdiri peningkatan teknologi dan mekanisasi dilaksanakanlah untuk *long-term* sehingga tahun ke 2025 bagi

meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Is harvesting part of your mechanisation?*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: *Harvesting?*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Potong buah, Pengerusi?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Yes.*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Kita FELCRA Berhad potong buah *still* lagi manual. Potong buah, *pap*, sampai ke bawah. Tapi, *start* daripada bawah sampailah ke *ram*, kemudian kita hampir — kita *mechanised*-lah. Kita tak ada teknologi *cutting* untuk inilah. Kita lagi potong buah itu yang kebanyakan orang asinglah Pengerusi. Kita belum ada lagilah. Mungkin dekat MPOB ada teknologi tapi mahallah Pengerusi. *Still* lagi manual-lah Pengerusi. Terbaik. Bawa galah, terus, 30 saat, jatuh buah. Tapi, daripada jatuh buah daripada pokok sampailah ke *ram*, kita boleh ada *lancer*, boleh angkat, itu tak apa.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada orang tak boleh nak *imagine* macam mana nak potong buah itu.

[Ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Datuk Wira.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Pengerusi, saya tanya sikit Tuan.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ha, okey.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Kebanyakan pemotong buah ini ialah pekerja asing.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: FELCRA dia banyak ambil daripada Indonesia *ke*, Nepal *ke* atau daripada Bangladesh?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey. Pengerusi...

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Kerana ianya ada kesan.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Betul. Terima kasih YB.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Ya.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: 90 peratus tenaga kerja asing kita daripada Indonesia, 10 *percent* kita daripada ambil Bangladesh

dengan Indialah. Tapi, terbaik Indonesialah. Dia orang faham *culture* dengan keadaan Malaysialah.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dan juga kalau orang Malaysia, *you are not talking about local young people...*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Lokal kita ada juga tapi...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi tak banyak...

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Tak banyak.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, so, Indonesia ini sekarang ini pun mereka ini mungkin lebih maju dan mungkin tak minat kan?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, that's why we have to plan ahead* bagaimana nanti nak *harvesting* ini, dia kena ada *that skills* itu *which is very high skill and* juga kena kuat.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kalau tak, *sorry-lah. [Ketawa]*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Betul.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Pengerusi, soalan saya seterusnya.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya, terima kasih.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Adakah pekerja ladang ini mencukupi ataupun tidak untuk ladang-ladang FELCRA?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kita masih tidak mencukupilah. Tahun ini kita ada kemasukan pekerja asing. Kita diberi permit oleh KDN, 1,700. Pasal pengeluaran tenaga kerja asing ini dia keluar masuk, keluar masuk, nak cap permit dengan ini dan kita *still* lagi dalam 20 percent-lah. Ya, kita masih lagi tak cukup.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Okey.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: *That's why* jaringan *buffer* ini kita terpaksa meningkatkan *mechanised*. Kita tak boleh nak harapkan inilah. Jadi, yang *buffer* sahaja yang tak cukup ini terpaksa ini.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, terima kasih.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, boleh tanya sikit?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak *gostan* sikit saja, bukan *gostan* banyak, sikit saja.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Mengenai pengeluaran atau *yield, it takes* tan per hektar. Kalau tengok *you* punya ladang itu, dia 17 metrik tan, Aring 17.6, kemudian Telupid pun 17.5 metrik tan bagi sektor. Bagi saya dia rendah. *What is the industrial average? You do know industrial average?*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Because I* nampak *very low*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, terima kasih YB Kubang Pasu. Untuk *industrial average*-lah, *average* kalau kita lihat kebanyakan semua dua angkalah Pengerusi. Macam KLK 21 metrik tan, AOI...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Berapa? 21?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: 20.49. KLK?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ha, berapa?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: 21.12.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *I think much more*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *I think much more*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Dia ambil *average*-lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ha, dia *much more*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Dia ambil *average*. Jadi, kebanyakan industri – tapi Yang Berhormat, kita tak boleh banding estet 21 — kita kena banding *apple to apple*-lah Pengerusi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ha, ini *apple to apple*-lah Pengerusi. Kelapa sawit *to* kelapa sawit. *[Ketawa]*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Tapi, topografilah Pengerusi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya tak ada epal dengan limau. Ini kelapa sawit, kelapa sawit. *Apple to apple*.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Tapi, Kubang Pasu...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *I* macam ini, saya rasa *you* punya estet ini, semua dia punya pokok dah berapa tahun dah?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Untuk Aring 25 tahun, tapi yang untuk Aring dan Telupid lebih 25 tahun. Di stage dua ini, *prime age* 11 tahun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, banyak yang dah 25 tahun?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tapi, untuk dua estet inilah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sebab kalau 17 ini *normally* dia pokok tua. Pokok tua, orang tua, pun sama jugalah, *yield* kurangnya. Pokok tua. Dia *average*, *average* – *I got some figures*.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Dia 20 — ada orang dapat 23. *I got figures*. 22.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ada satu apa ini *plantation* yang besar, dia banyak sub-sub dia *plantation*. 17 pokok tua. Yang lain-lain itu, 22, 21, 23, 22.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, you punya memang *old trees*.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Betul tak? Kalau tak *old trees*, *that means* ada benda yang tak kena, *it cannot be*. 17. Kalau you tambah *two more tonnes*, 17 jadi 19 ataupun *three more tonnes*, you punya *revenue* akan berlipat ganda. *That is very, very low. But any standards*. So, sama ada *that* ladang tak kenalah, *apple* dengan *apple* tak kena or ataupun kira kita punya *calculation* tak kenalah. Tapi, *I don't think your calculation* tak kena. *Because I got figures, other plantation*. Atau RISDA boleh mungkin *we compare, Chairman? Chairman*, dua-dua *Chairman* ini.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: YB Kubang Pasu, YB Kubang Pasu. Mungkin macam mana Encik Anuar sebut tadi, dari segi lokaliti itu pun ada peranan jugalah. Sebab kita pun ada di — sebagai contoh, di Bukit Sedanan di Melaka, ia nya mencapai 37 metrik tan dan kita pun ada lagi satu dekat Melaka juga, 42 metrik tan. Ada. Maknanya, di FELCRA ini, disebabkan oleh kita punya ladang-ladang kita ini agak ada yang di berbukit, ada yang *peat soil*, Sabah dan Sarawak. Jadi, bila *average* itulah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, disebabkan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya, betul. Saya setuju.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ini adalah estet komersial, dia tak melibatkan apa-apa daripada peruntukan daripada MOF. Ini FELCRA. *Internal.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *I think* kena tengok balikkah, *why it is so low*. Kalau *you – my figures not correct*, cari lain, bagi tahu saya *mine not correct*. Pasal *I got some plantation* punya *example*. Terima kasih.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, terima kasih YB.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Itu hari saya lupa untuk dapatkan *the figure*. Berapa peratus dalam tanah ini adalah dalam hilir punya kawasan? Sebab *actually*, kalau kami nampak memang banyak kerja perlu dibuat untuk yang *terrain, terrain* dan juga tak tahu sama ada bersesuaian dengan dia punya *soil* punya kualiti kan.

So, sama ada dalam jangka masa yang panjang memang dia akan *generate income*-kah atau lebih baik kasi jual sahaja? *Because I see that there's a lot of need to be done*. Tengok balik *the* gambar tadi, kan yang gambar *terrain, terrain* itu. Berapa peratus dalam tanah ini keseluruhan adalah dalam *terrain* dan berapa adalah dalam *flatland*?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih YB Sandakan. Untuk Estet Telupid ini, 80 peratus adalah kawasan-kawasan *healy*-lah, 20 peratus ada kawasan beralun, ini yang ada beralun dan *underlying takes*. Untuk *that is why* syor kami, kami perlukan *replanting*. Ini pada fasa pertama *last year*, fasa kedua tahun ini. Bila ada *replanting* ini, dengan pokok-pokok muda SPH yang tinggi, dengan keadaan akses jalan yang kita dah buat, teres kita dah buat, *mechanised* dah boleh masuk, *insya-Allah* pengeluaran hasil akan nampaklah. *That is why* kita perlulah.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Dan berapa kos yang telah kau guna untuk fasa satu? Untuk *replanting*, untuk *cut* dia and *buy things for just to make this estate happen*-lah?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: *Replanting* ? Fasa satu untuk – YB, RM5.8 juta (2025), fasa kedua tahun ini kita *invest* RM5.4 juta. Jadi, kos keseluruhan tiga dan empat ini, keseluruhan untuk *replanting* ini sebanyak RM21.3 juta. Ini kita ada dalam penulisan, kita ada.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Berapa ekar sudah?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Untuk *last year*, kami dah buka *replanting* 214 hektar, fasa pertama, fasa kedua 194 hektar dalam 300 — hampir 400-lah YB.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Comparison* dengan estet yang lain, yang bukan *healy*, dengan hektar yang sama. *Then*, berapa kos yang lebih digunakan untuk Estet Telupid?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Estet Telupid, kos *replanting* per hektar boleh mencecah, kita *average* ke hingga RM27,000 per hektar. 27.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *As comparison to other estate?*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: *Average* kita *replanting* pun macam itulah Yang Berbahagia YB. *Average* antara 25 ke 30-lah.

■1550

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Oh, jadi *hilly* bukan salah satu — bukan *reason the cost will be* lebih tinggilah?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Kita kawallah ya. *Average replanting* FELCRA 27 ke 30. Jadi, Telupid ni ke 27,000.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Hmm, dalam tengah lah.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Dalam *range* lah ke hujung tu.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Hmm, okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada tak terdapat mekanisme akauntabiliti terhadap pengurus ataupun yang menguruskan projek untuk mengawal tu dengan pekerja yang ramai dan sebagainya dengan perbelanjaan yang banyak dah dikeluarkan? Jadi, bagaimana pihak FELCRA melihat tentang perkara ni?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Untuk pengurusan tenaga kerja ya, Yang Berbahagia Datuk?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, dari segi KPI nya, pekerja-pekerja ataupun pengurus di estet ini, kita akan pantau pertamanya dari segi pencapaian *yield* ya. Macam tadi kalau saya katakan *average* 17.5, *yield* tu perlulah capai 17.5 dan kita juga kontrol dari segi

kos operasi *per hectare basis*. Jadi, bila kita buat bajet, dia ada kos *per hectare basis* dan berapakah *actual* dia. Itulah kita punya pemantauan ya. Terima kasih.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: Datuk Wira Pengerusi, izinkan saya bertanya juga. *I think* perkara yang sama dengan Sandakan tadi saya nampak dalam tayangan tadi memang kawasan yang *rugged*-lah.

Soalan saya, berapa peratus dia punya – berapa *degree* dia punya kecerunan *average*-lah yang kawasan tanah tinggi itu tadi? Kedua, sudah tentu kita tidak boleh mempunyai SPH ataupun *stand per hectare* sama dengan tanah rata.

So, what is your stand per hectare bagi kawasan-kawasan yang cerun yang *steep*, tanah yang *steep* tu tadi? Sudah tentu *at the end of the day*, dia punya implikasi dari segi *yield per hectare* itu kalau *stand* itu untuk tanah yang *degree* yang tinggi tu, mungkin kurang berbanding dengan tanah rata. Sudah tentu *you may not be able to achieve yield* setanding dengan tanah-tanah rata ikut *industry standard*. Mohon pencerahan. Terima kasih.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih Yang Berbahagia Dato. Kawasan hilir di estet Telupid ini dia *average* antara 20 ke 25 dan ada beberapa kawasan lebih 25 peratus. Jadi, lebih 25 peratus, SPH ini mungkin akan kurangnya tapi *average* yang akan kita *estimate* di Estet Telupid dalam 135 ke 145 lah fasal di kawasan teres kan, kawasan teres tapi ia *average* macam tu lah ya kita boleh dapat fasal antara *average* 135 ke ...

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: 135?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: 135 ke 145. Kita boleh sampai 145.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Tapi kalau ikut MPOB punya standard tu kalau cerun *below I mean 20 to 30* tu *you are talking about only 115,238*. So kalau – sebab dia perlu banyak teres. Jadi...

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Dia nanti makan keluasan.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Dia makan dia punya tanah tu tadilah. So, kalau *you* dapat capai 138 tu *is equivalent to SPH* untuk tanah rata lah itu.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya. Kita cubalah untuk penuhkan SPH lah, Yang Berbahagia. Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, *just* apa ya *about this yield and all that* juga tu kan. *Malaysia is the second largest producer* kelapa sawit kan *in the world?*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *The first is Indonesia. So, daripada segi yang hilir-hilir areas ini, how is Indonesia compared to us? Sebab kalau kita nak benchmarking kan, the best practices and all that, dekat Indonesia tu dia punya kelapa sawit dia tanam tu bukanlah dekat low land saja kan? Dia mesti ada yang hilir-hilir juga. Dia gunung berapi pun semua ada, apa semua tu kan. Have you studied that and how they benefit daripada dia punya best practices to get the yields? Because they are the world biggest producer.*

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih Yang Berhormat. Okey, untuk Estet Telupid Yang Berhormat ni, kita dapat kelulusan daripada EIA lah untuk buat, untuk kawasan hilly ni lah. Jadi, kawasan-kawasan hilir ni dapat kelulusan EIA ni kena wajiblah supaya kawasan replanting ni dapat diuruskan.

Di Indonesia ni dia banyak kawasan-kawasan flat, kawasan-kawasan berbukit gunung berapi. Di tanah dia, memang cantiklah. Jadi, kawasan-kawasan hilly di Indonesia ni banyak di Kalimantanlah, sama juga satu kumpulan Borneo ni juga. Jadi, ya lah ya Dato', YB.

Untuk yang di Estet Telupid ini, kita cuba memenuhi. Ini kawasan yang tough tapi dengan keadaan kita buat terracing, kita buat amalan yang baik, kita dapat penuhilah SOP. Fasal kita ni selari dengan MSPO Pengerusi. Fasal laporan daripada EIA dipantau oleh pegawai dialah untuk ni. Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, next slide.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Next slide, please.*

Datuk Ali anak Biju [Saratok]: Hello. Terima kasih Pengerusi. Saya nak tanya fasal baja ni sebab sekarang ni peningkatan harga baja di Malaysia, di Sarawak khususnya amat ketara. Dia sampai 40 peratus meningkat daripada setahun yang lepas, 40 percent. So kalau kos sawit itu, kos ladang itu 40 peratus adalah baja dan peningkatan 40 peratus daripada harga baja itu, impaknya sangat besar.

Jadi, apakah langkah FELCRA untuk mengatasi masalah ini? Saya rasa raw material untuk baja itu memang Malaysia jarang ada lah, memang kena importlah. Jadi, memang affected-lah. So, how much is FELCRA affected by the cost of baja ini? Terima kasih.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih Yang Berhormat Saratok.

Untuk pengeluaran baja ni, last year kita kebanyakan produce di Semenanjunglah. Jadi, estet-estet kita di Sabah dan Sarawak kita jadi kos shipping tu ada meningkatlah. Tapi this year, kita dah mula meningkat pada – anak syarikat

kita diniaga, kita *produce* di Sarawaklah. Kita ada *produce* di Samarahan. Jadi, kos-kos pengeluaran baja kita ada peningkatanlah selepas pusingan kedua.

Pusingan pertama kita kebanyakan kos baja sebelum *war* ni, kebanyakan bawah RM2,000, dalam *average* RM1,800 ke RM1,900 X projek. Tapi kebanyakan baru-baru ni kita tender untuk fasa kedua, kebanyakan *raw* ni meningkatlah *especially* sumber N ni. MOP pun sama. Kebanyakan *average* peningkatan bajalah dalam 15 ke 20 persen. Peningkatan kos baja ni lah lebih daripada RM2,000 lah, Yang Berbahagia Datuk YB. Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Related today YB Pengerusi. You tak buat hedging ya? You lock the price for six months, 12 months from now.*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Tak. Kita untuk baja...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *La tak bolehlah. Harga tengah tinggi. Tak, when the price apa ni rendah. You boleh buat hedging tak? Ada plantation dia buat hedging.*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Saya tak buat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *You tak buat ya?*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Tak buat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Maybe you can consider.*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Boleh.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Not now the price. Now is high. When the price come down.*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Okey, *next slide*. Kita terus kepada syor PAC untuk PNL lah, Yang Berbahagia Datuk Pengerusi. PNL sehingga Mac 2026, yang ni persoalan daripada YB Tampin lah tadi.

Kalau kita lihat, Estet Telupid, unjuran 8.51. Sasaran hingga Mac, 1.89. Sasaran mencapai sehingga Mac 77 peratus, tetapi pencapaian tahunan sebanyak 17 persen. Untung kasar, kita *target*-kan RM676,000. Pencapaian sehingga Mac 2026, 251,000. Pencapaian baiklah tetapi pencapaian tahunan masih 37 persen. Kalau lihat Telupid *last year* kita *closing*, 150,000. Mungkin Yang Berhormat dapat tahu tapi sampai Mac kita dah capai Estet Telupid, untung kasar sebanyak RM251,000 lah.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Saya tambah sedikitlah. Untuk makluman Yang Berhormat semua, kalau kita lihat, ini adalah data sehingga bulan Mac 2026. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Kalau kita lihat sini dekat

kolum capai hingga Mac 2026 ya, yang capai tu, daripada empat estet ini, tiga estet telah mencatatkan keuntungan iaitu Telupid untung RM251,000, Sungai Rawit 2 untung RM75,000, Dabong ada sedikit kerugian RM37,000. Walau bagaimanapun, sasaran hingga Mac pun rugi juga tapi rugi ni *actual* berkurang daripada apa yang disasarkan dan Estet Aring juga telah mencapai keuntungan RM1.39 juta.

■1600

Jadi, keseluruhan keempat-empat estet ini telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM1.69 juta berbanding sasaran hingga Mac, RM334,000. Ini sehingga Mac, kalau *next* ini adalah sehingga bulan April. Sehingga bulan April, kita boleh lihat di sini keempat-empat estet ini telah pun mencatatkan keuntungan. Yang tadinya, kalau kita lihat Estet Dabong kerugian, tetapi hingga April, Estet Dabong telah pun mencatat keuntungan sebanyak RM99,000.

Jadi, keseluruhannya estet-estet ini walaupun ROI-nya belum sampai, tetapi untuk operasi tahunan, ianya telah pun mencatatkan keuntungan. Ini bermakna segala operasi, ia dapat ditampung oleh hasil yang lebih tinggi daripada kos operasinya. Ini secara gambaran keseluruhan keempat-empat estet ini.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap, saya macam *confuse*. Kalau kita tengok Telupid tu, sasaran dia 2.62 ...

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Untuk – saya baca balik ya. Sasaran tahunan Telupid untuk 12 bulan 8.51. Itu Januari hingga Disember. Sasaran empat bulan iaitu Januari hingga April, sasaran 2.62. Walau bagaimanapun, capai hanya 1.99. Capai dari segi *yield*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, okey. Tapi kenapa dia punya...

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Tetapi...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...dia punya bawah itu...

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Tetapi dari segi unjuran keuntungan, untuk Telupid RM123,000, tetapi untung yang sebenar RM217,000. Walaupun *yield* tidak mencapai sepertimana sasaran 2.62 itu, ianya disumbang oleh faktor harga. Harga kini, sekarang ini *average* RM4,300 ke RM4,400. Sasaran ini adalah RM4,100 masa kita buat sasaran. Begitu juga yang estet-estet yang lain juga. Bermakna *actual* untung yang di dalam buku kita, keseluruhan keempat-empat ini adalah RM1.3 juta, keseluruhan keempat-empat ini.

Okey, boleh saya teruskan lagi?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Kejap, satu soalan. Slaid 37.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: 37?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ini kan macam Aring itu kan, *target* dia untung kasar RM114,000, tapi *the actual* 1.398, 1.4 sampai 1022 peratuslah, kan. Apa faktor yang memberikan perbezaan begitu ketara dari segi sasaran dengan *actual*?

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih Yang Berhormat. *First factor* kita adalah kawalan koslah di Aring lah untuk pencapaian ini. Faktor kos dan pencapaian dia pun sehingga Mac pun 80 peratuslah, kawalan kos dengan hargalah. Masa harga kita buat masa bajet, Aring ni RM4,100. Tadi yang CEO maklumkan dalam *average* sekarang ni pun dah RM4,300-RM4,400 lah untuk ini. Terima kasih.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dia punya *varians* tu *too huge* lah. *That means*, maknanya *your* anggaran itu *way out* kah ataupun macam mana ya?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Yang ini saya...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Kalau *a few percent* itu...

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: YB Wangsa Maju, mungkin yang ini saya akan ambillah apa yang pandangan YB supaya kami akan — dari segi *detail*-nya saya tak ada di sini. Mungkin kita akan tengoklah apa yang menyebabkan keuntungan RM1.398 juta itu berbanding dengan sasaran RM114,000 itu ya sebab saya tak ada *figure* di sini. Encik Anuar nanti mungkin boleh dapatkan apakah keuntungan itu.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya dapatkan maklumat.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, saya teruskan dengan syor yang berikutnya. Syor yang ketujuh daripada PAC, FELCRA hendaklah merangka dan melaksanakan pelan strategik jangka sederhana dan panjang dengan sasaran yang jelas untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui pelan mekanisasi yang komprehensif dan penyediaan kemudahan asas yang lebih baik bagi menarik tenaga kerja tempatan.

Di sini FELCRA telah membuat dua pelan strategik iaitu jangka sederhana dan jangka panjang. Berkaitan dengan pelan strategik jangka sederhana, ianya melibatkan pelan mekanisasi. Yang kedua, penambahbaikan kemudahan dan juga insentif. Yang ketiga, pengelasan jawatan bagi tenaga kerja tempatan dan TKA iaitu suku pertama 2027. Berikutnya, latihan berterusan kepada tenaga kerja ladang dan seterusnya penambahbaikan terhadap skim gaji bermula tahun 2027.

Pelan strategik jangka sederhana untuk tahun 2025 hingga 2027. Bagi tahun 2025, enam unit jentera baru telah pun dibeli iaitu dua unit *Kubota* dan empat unit

dan *land safe*. Ini untuk Estet Dabong dan juga Sungai Rawit 2 dan empat unit *land safe* untuk Estet Aring, dua unit dan Estet Dabong dua unit. Kesemua jentera sudah pun diterima dan beroperasi. Itu untuk tahun 2025 bagi pelan mekanisasi.

Manakala untuk tahun 2026, empat unit jentera baru yang mana dijadualkan akan terima pada bulan Ogos dan September pada tahun ini untuk Estet Aring, Telupid dan juga Dabong. Manakala pada tahun hadapan, tahun 2027, enam unit jentera baru. Ini juga untuk menjawab YB Sandakan tadi yang bertanya tentang adakah aliran tunai itu mengambil kira jentera-jentera baru tadi. Jadi, kita telah pun mengambil kira ya. Ini adalah untuk pelan jangka sederhana.

Seterusnya, berkaitan dengan penambahbaikan kemudahan dan juga insentif. Penambahbaikan kemudahan perumahan pekerja iaitu rumah ladang, kemudahan asas persekitaran kerja untuk keselesaan pekerja-pekerja ladang. Yang kedua, penyediaan kemudahan pengangkutan pekerja tempatan yang tinggal di luar estet, ini bagi memudahkan pekerja-pekerja ladang untuk memasuki ladang. Di samping itu juga, pemberian insentif minyak bagi pekerja tempatan yang hadir menggunakan kenderaan sendiri dan tambahan insentif kehadiran penuh pekerja. Jadi, dengan adanya insentif-insentif ini, ianya dapat menambahkan lagi ataupun menggalakkan lagi tenaga-tenaga pekerja untuk melaksanakan kerja-kerja di estet ini.

Seterusnya iaitu pengelasan jawatan bagi tenaga kerja tempatan dan TKA yang mana sekarang ini mengguna pakai nama seperti mandur. Jadi, jawatan — nama jawatan yang akan diperbaharui, mandur ini kita akan tukar nama jadi penyelia operasi ladang. Jadi, begitu juga dengan pemandu ladang jadi pemandu operasi ladang. Jadi, dengan adanya orang kata nama baru ini, ianya akan dapat meningkatkan lagi ataupun menggalakkan lagi pekerja-pekerja untuk minatlah bekerja dari sektor perladangan ini. Begitu juga dengan nama penuai, penoreh dan pekerja am juga akan diberikan nama barulah.

Jadi, *next*. Berkaitan dengan latihan berterusan kepada tenaga kerja ladang iaitu latihan-latihan untuk meningkatkan supaya standard penuaian itu sepertimana *industry standard*. Yang kedua, pengendalian baja dan juga amalan *agronomic* terbaik iaitu *Good Agriculture Practice* (GAP) dan yang ketiga keselamatan dan kesihatan pekerja. Yang keempat, pengendalian jentera. Yang kelima, aspek asas penyelenggaraan jentera dan juga latihan berumpai.

Berikutnya, bagi jangka sederhana juga iaitu penambahbaikan terhadap skim gaji yang akan bermula pada tahun 2027 iaitu pemberian insentif minyak, elaun kehadiran, insentif produktiviti dan insentif pemandu jentera, minima RM330. Jadi ini adalah insentif-insentif ataupun pelan jangka sederhana bagi tahun 2025 hingga 2027. Manakala bagi pelan strategik jangka masa panjang iaitu meneruskan agenda

mekanisasi iaitu pembekalan jentera bermula suku keempat 2028 hingga 2030. Berikutnya penambahbaikan kemudahan dan insentif. Begitu juga untuk latihan tenaga kerja ladang juga akan diperluaskan dan merancang untuk melaksanakan kerjasama strategik bersama rakan kolaborasi.

■1610

Bagi penambahbaikan kemudahan dan juga insentif iaitu menaik taraf kemudahan perumahan iaitu elektrik, air dan juga asas internet, yang mana perkara-perkara ini adalah kemudahan-kemudahan asas yang amat perlu dan amat penting kepada pekerja-pekerja ladang dan yang juga kita akan tingkatkan iaitu penambahan perumahan baru pekerja di estet ya bagi orang kata keselesaan pekerja-pekerja di estet ini.

Berikutnya, latihan untuk tenaga kerja ladang yang diperluaskan. Kita pecahkan kepada dua iaitu latihan asas operasi ladang dan juga latihan mekanisasi dan teknologi ladang ya, seperti mana yang tertera di skrinlah, ya. Dan berikutnya, latihan untuk tenaga kerja ladang yang diperluaskan. Ini berkaitan dengan latihan keselamatan dan juga kepatuhan yang terdiri daripada penggunaan PPE, pengurusan bahan kimia, tindakan kecemasan dan pertolongan cemas, dan juga pematuhan ESG dan kelestarian alam sekitar.

Berikutnya iaitu merancang untuk melaksanakan kerjasama strategik bersama rakan kolaborasi. Ini juga salah satu daripada pelan strategik jangka panjang iaitu bersama dengan MPOB dan juga dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan ataupun NIOSH. Ini adalah – orang kata – *ongoing process* lah untuk jangka panjang, ya. Okey, *next*. Okey. Encik Anuar mungkin boleh sambung syor ini, pekerja tadi.

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih. Berdasarkan kepada data dalam kajian dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan, 75 peratuslah daripada tenaga kerja di Malaysia terdiri daripada warga asing.

Jadi, untuk komposisi di Estet Telupid, Dabong dan Estet Rawit 2 dan Aring ini, bilangan pekerja tenaga kerja asing kalau lihat di Telupid ini ada 25 orang merangkumi 90 peratuslah. Tempatan hanya tiga orang sahaja tetapi di Aring, kita dekat pasal di Aring ini, di Gua Musang, dalam 66 *percent*-lah, pekerja tempatan dia dalam 34.

Telupid ini yang kita akan maklumlah asal dia kawasan ini ke dalam, 20 ke 30 meter ke dalam. Jadi, orang tempatan ini dia tiap-tiap minggu nak balik. Bila duduk dekat dalam ini, kena sebulan sekali balik ini. Jadi, yang tahan lasak, yang kuat ini yang boleh duduk sini. Tetapi, kalau [Tidak jelas] di Kelantan ini, dia mudah. Dia akses tepi jalan di Gua Musang tetapi di Telupid ini – dan *Insya-Allah*, kami tadi CEO

ada maklumkan tentang secaralah kita bagi insentif ya, penarikan untuk galakkan pekerja tempatanlah.

Di Telupid ini mungkin penuaian dia mungkin tak boleh tetapi kerja-kerja *replanting* lepas habis itu, kerja-kerja meracun ya, kerja-kerja nak *pruning*, yang itu kerja-kerja orang tempatan boleh. *Insyallah* lah, nanti bila ada di Telupid ini fasa daripada peringkat PA ini berperingkat ada, kerja-kerja yang mudah ini akan mula menariklah berperingkat. Okey.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey. Syor yang berikutnya iaitu syor PAC nombor lapan. KKDW dan FELCRA perlu menilai dan menetapkan semula sasaran perolehan *land bank* yang lebih realistik dengan mengambil kira keupayaan kewangan FELCRA serta pelan perolehan yang jelas dan jaminan semua pembiayaan yang mencukupi untuk mengelakkan risiko kepada kelestarian kewangan syarikat, menampung kos operasi jangka panjang.

Ini yang – soalan yang dibangkitkan oleh YB Tampin tadi, yang adakah FELCRA akan meneruskan untuk perolehan estet ini. *Next*. Okey, ini saya minta Bahagian Strategik, Encik Azam untuk memberi penjelasan.

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Terima kasih, YB Pengerusi. Untuk pembelian estet baharu, setelah mengambil kira saranan dan teguran daripada PAC, FELCRA Berhad telah sehingga kini menangguhkan pemerolehan estet komersial baharu. Untuk jangka masa yang terdekat, sumber kewangan yang ada, FELCRA telah menggunakannya untuk program tanam semula estet komersial yang amat memerlukan program sebegini.

So pada 19 Januari 2026, pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 244, Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk pelaksanaan Program Tanam Semula Tahun 2026 bagi tujuh estet FELCRA komersial secara berfasa seluas 1,846.92 hektar. Ini akan mengambil belanja sehingga RM52 juta. So, buat masa sekarang, tumpuan kegunaan sumber kewangan yang ada adalah untuk tanam semula estet komersial kita. Terima kasih.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey. Saya pergi ke syor yang berikutnya iaitu syor yang kesembilan. Saya serahkan kepada Datuk Dr. Shahrazat, MOF.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: Ya. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, seterusnya untuk syor kesembilan, MOF dan KKDW hendaklah memperkasakan keanggotaan lembaga pengarah dengan melantik pihak luar yang merangkumi pelbagai kepakaran bagi memantapkan tadbir urus FELCRA.

Untuk makluman, pihak MOF berpandukan kepada dua garis panduan iaitu garis panduan dalaman MOF dan satu lagi adalah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memantau dan memandu kita dari segi ke pelantikan keahlian

anggota-anggota lembaga pengarah bagi syarikat berkepentingan kerajaan dan juga CLBG lah, syarikat berhad mengikut jaminan. *Next*.

Seterusnya, bagi tujuan pelantikan ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat GLC mahupun CLBG, calon – asasnya adalah calon mestilah mempunyai kelayakan profesional ataupun kepakaran dalam bidang yang berkaitan, yang mana pelantikan dilaksanakan secara berkala mengikut keperluan semasa FELCRA dan pencalonan – pada amnya, kami menerima pencalonan daripada pihak FELCRA iaitu yang telah diluluskan oleh lembaga pengarah dan dibawa kepada MOF untuk kelulusan dan juga tapisan.

Untuk semua ahli lembaga pengarah, calon-calon diwajibkan untuk melalui lima tapisan. Tetapi kalau bank itu, dia ada satu tapisan tambahan untuk Bank Negaralah, iaitu daripada Jabatan Insolvensi, SPRM, mahkamah, LHDN. Yang terkini, tahun 2024 telah diarahkan untuk tambah satu lagi tapisan keselamatan CGSO memandangkan ahli-ahli lembaga pengarah yang menduduki syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan ini akan dapat ataupun akses kepada maklumat-maklumat rasmi. Jadi, *next*.

Untuk makluman, pada masa ini, keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah FELCRA adalah seramai lapan orang termasuklah Pengerusi yang mana tiga orang adalah *non-independent* lah yang mewakili MOF, Kementerian Ekonomi dan Kementerian KKDW, dan tiga lagi – empat lagi adalah merupakan *independent directors*. Ini adalah kedudukan terkini.

Dari segi kepelbagaian kepakaran, buat masa ini pihak MOF dan FELCRA berpuas hati dengan bidang kepakaran yang diwakili iaitu kita ada dari bidang industri itu sendiri, daripada audit, daripada kewangan. Cuma yang terkini, ahli yang baru tamat tempoh ALP adalah dari *legal background* tetapi buat masa ini, kita tidak berhasrat untuk melantik ahli tambahan. Untuk *legal*, kita akan berpandukan kepada dalaman FELCRA sendiri.

Dari masa ke semasa, MOF dan KKDW akan melihat dari segi komposisi, dari segi pencapaian, dari segi kredibiliti calon-calon. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, pada setiap tahun FELCRA dikehendaki untuk mengemukakan kepada MOF penilaian *peer rating* termasuklah *management rating* untuk setiap ahli.

Untuk tahun 2025, kami telah pun menerima penilaian berkaitan pada bulan Februari yang lepas. *Alhamdulillah*, kesemuanya melepasi tahap minima. *In fact*, lebih tinggi lagi. Buat masa ini kami berpuas hati dengan pencapaian ataupun prestasi kesemua ahli lembaga pengarah dari segi kehadiran, dari segi sumbangan, dari segi idea-idea yang dilontarkan. Itu sahaja daripada MOF buat masa ini.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh tak patah balik yang – apa nama ini – syor PAC nombor sembilan?

Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad [MOF]: Okey, syor PAC.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, nombor lapan. *Sorry*.

Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad [MOF]: Lapan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang Datuk Hajah Shah punya, *I think should be okay*-lah yang ini. Sebab yang ini perlukan kepada perancangan yang menyeluruh sebab dia sangat penting, kan?

Jadi, boleh tak tahu adakah ada sasaran baharu yang dibuat oleh pihak FELCRA mengikut dengan unjuran kewangan yang komprehensif ada dibuat?

■1620

Encik Anuar Merican bin Akbar Merican [FELCRA]: Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dan adakah pihak FELCRA mempunyai pelan induk jangka yang merangkumi sasaran jangka pendek, sederhana dan juga panjang? Ini adalah termasuk dengan sumber pembiayaan, analisis dan juga melihat kepada risiko dan juga impak terhadap aliran tunai FELCRA?

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Terima kasih YB Pengerusi PAC. Sasaran 30,000 yang — 30,000 hektar yang ditetapkan pada Januari 2022, masa Transformasi 2.0, masih kekal. Ini kerana angka tersebut telah pun dikatakan untuk supaya dapat menampung mandat sosial yang dijalankan oleh FELCRA juga.

So, buat masa ini, sasaran 30,000 masih kekal. Cuma, saya sebagai Pengarah Bahagian Strategi akan membentangkan kepada lembaga pengarah analisa terperinci, memandangkan seperti yang YB Pengerusi cakapkan tadi bahawa kami perlu mengambil kira sumber kewangan yang FELCRA ada dan juga keperluan untuk menanam semula.

So, buat masa ini, di dalam perbincangan pada Januari lalu, lembaga pengarah telah menekankan bahawa fokus harus diberi kepada tanam semula estet komersial FELCRA kerana selain daripada sumber dalaman, tiada lagi sumber lain seperti geran kerajaan yang dapat kita perolehi untuk estet komersial.

Estet komersial adalah estet kepunyaan FELCRA sendiri dan kita hanya dapat menggunakan sumber dalaman. So, fokus untuk masa kini adalah untuk tanam semula kerana umur pokok untuk estet komersial — ada lagi. Selain daripada 1,846 hektar yang saya sebutkan, masih ada lagi 1,300 hektar yang belum ditanam semula, yang perlu untuk ditanam semula.

So, kosnya tidak kurang daripada 30 juta lagi. So, dari segi itu, dari segi keperluan kepada kewangan dan juga analisa lain, saya akan bentangkan semula

kepada lembaga pengarah. Buat masa ini, sasaran 30,000 masih kekal sebagai sasaran kepada FELCRA untuk mengimbangi keperluan untuk menampung kos mandat sosial. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih, Pengerusi.

Saya ada dua soalan. Yang satu ialah bila saya jadi pegang jawatan Menteri Perladangan, waktu itu adalah bila harga sawit sangat rendah. Jadi, apa yang kami risau adalah pekebun kecil. So, dalam — kami — saya pernah ada beberapa libat urus dengan tauke-tauke besar syarikat perladangan, seperti Sime Darby, KLK dan lain, dan bincang macam mana syarikat besar boleh membantu pekebun kecil yang mana ladang sawitnya adalah dekat dengan ladang mereka.

Macam kalau mereka tak pandai untuk menguruskan ladang, jadi syarikat besar itu mereka boleh tolong dan juga ambil minyak mereka dan sebagainya. So, saya hanya nak bagi satu cadangan. Kalau FELCRA sudah *steady* dari segi kewangan, saya nak cadangkan FELCRA juga lakukan yang sama. Lihatlah ladang-ladang kecil di persekitaran dan lihat macam mana FELCRA sebagai syarikat yang lebih besar boleh membantu mereka dan juga memenuhi syarat MSPO lah. Ya, ini satu.

Yang kedua ialah *[Ketawa]* bila saya jadi Menteri, harga minyak sawit sangat-sangat rendah. Semua orang, pekebun kecil maki saya. Waktu itu, RM1,700 tahu.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Ya, *very low*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sekarang tengok RM4,000 lebih, *you know*. Satu tan. So, okey. Saya lihat, *you know*, saya semak rekod, mengikut apa yang saya baca sekarang ialah kita akan berlakunya yang mana setiap empat hingga tujuh tahun sekali, berlakunya kejatuhan harga minyak sawit mentah secara mendadak.

So, every four to seven years, ini pasti akan berlaku. So, kalau kita lihat rekod yang lepas ialah 1997 hingga 1998 kerana krisis kewangan Asia. Tahun 2008 kerana krisis kewangan global dan lepas itu ialah tahun 2014 hingga 2015 kerana berlakunya lambakan minyak mentah.

Okay, then you have 2018 lah, waktu sayalah, perang dagang dan stok yang tinggilah. Jadi, CPO jatuh ke paras RM1,700 hingga RM1,900 per tan. Dan lepas itu tahun 2022, pasca pasang surut pandemik. So, semua ini — jadi kita lihat ini semua pasti akan berlaku punya. *So, it's good that for FELCRA*, bila sekarang harga tinggi, *I'm very happy to see that you talk about replanting*.

Saya rasa ini adalah amat perlu sama ada FELCRA akan juga lihat lah macam mungkin sediakan sedikit peruntukan untuk lihat macam mana menangani bila harga jatuh mendadak ke hingga RM2,000 setan. Itu sebenarnya ini harga yang kita rugilah kan. So, bila ini berlaku, sama ada kita boleh *survive* atau tidak. Yang salah satu yang turut dalam kementerian bagi MPOB, mereka selalu menganggap biodiesel adalah satu cara yang paling baik bagi kita untuk *consume* minyak sawit mentah, bila harga jatuh dengan secara mendadak.

So, *maybe* FELCRA kena buat persiapan tentang macam mana mungkin pemprosesan minyak sawit kepada biodiesel. Dan juga mungkin berlakunya penyakit. Penyakit, kita tahu yang beberapa ladang di negara kita ada berlakunya penyakit. So, *when all this*, ini *calamity* datang, so macam mana kita menghadapinya?

Dan juga mungkin boleh fikir sesetengah tempat kalau tak sesuai untuk tanam sawit, mungkin boleh tanam tanaman yang lainlah. Itu sebab dulu saya ada promosi tentang buluh ? Tapi saya tak pernah kata nak tebang pokok sawit pergi tanam buluh. *But, we have to really look at what is your alternative crop.*

Kalau hanya bergantung kepada sawit, macam mana kalau harga jatuh mendadak satu tahun lebih, susah bagi keseluruhan syarikat inilah. So, ini cadangan saya kepada pihak FELCRA.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Terima kasih, YB Seputeh di atas dua pandangan. Yang pertamanya, tentang membantu pekebun-pekebun kecil tadi, iaitu kami mengambil maklum tentang apa yang dicadangkan. Dan yang kedua, untuk berhadapan dengan jangkaan sekiranya harga minyak sawit ini jatuh .

Cuma saya ingin *share* sedikit *experience* yang sebelum ini. Kita di FELCRA, kita pernah buat tabung penstabilan harga. Yang mana pada ketika harga tinggi, kita atas persetujuan peserta-peserta FELCRA, sebab kita menguruskan ladang-ladang milik peserta, kita kena dapatkan persetujuan daripada peserta untuk kita potong *some portion* untuk kita simpan. Bila harga jatuh, waktu itulah kita akan tampung bayar balik. Itu kita pernah buat.

Tapi kami berpandangan kemungkinan dengan dasar-dasar kerajaan sekarang dan dengan Indonesia telah pun meningkatkan biodiesel kepada B50. Dan di Malaysia pun telah bermulanya B15. Kita berharap dari segi permintaan terhadap komoditi sawit ini akan meningkat dan seterusnya harga CPO juga akan terus meningkatlah .

Itu — dan apa yang disuarakan oleh YB Seputeh, kami mengambil maklumlah tentang nasihat-nasihat tersebut. Terima kasih YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Sedikit soalan saya kepada Datuk TKSP berkaitan dengan tadi slaid yang disebut...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kejap, YB. Kita masih lapan. Kalau nak pergi sembilan, kejap lagi. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Boleh? *[Ketawa]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey, sila-sila. Lapan dulu.

■1630

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. *[Ketawa]* Okey. Saya nak tanya adakah pada masa akan datang FELCRA akan meneruskan untuk membuat pembelian estet komersial yang kurang berdaya maju atau akan lebih selektif berdasarkan tentang perkara yang berlaku dari *the previous one*, Estet Telupid, satu; dan bagaimana FELCRA memastikan setiap cadangan pemerolehan tanah di masa hadapan dia tak akan jadi liabiliti lagi dah kepada kewangan yang akhirnya yang akan membebankan operasi syarikat.

Sebab kalau ya lah kalau tanah milik peserta itu tak apa. Kita bangunkan, kita pulihkan sebab ia adalah merupakan mandat sosial FELCRA tetapi kalau milik syarikat itu dirasakan macam kurang wajar. Jadi, saya nak tahu apakah respons daripada pihak FELCRA.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, terima kasih YB Datuk Wira Pengerusi. Kalau saya boleh menyingkap balik pada prosiding 7(h) pada 3 November 2025 iaitu prosiding PAC bersama dengan Yang Berbahagia Dato' Sri Pengerusi FELCRA Berhad. Beliau menyatakan pertambahan *[Tidak jelas]* ini adalah perlu untuk kesinambungan FELCRA yang pada sekarang ini FELCRA hanya mempunyai lebih kurang 34,000 hektar milik FELCRA. Seperti mana yang Encik Azam sebut tadi pada waktu ini pihak FELCRA hanya menangguhkan dari segi perolehan ini dan selepas kita menambah baik polisi ataupun SOP seperti mana yang pihak kami bentangkan atas syor PAC ini, ia dapat dari segi tatacara ataupun *governance* itu tidak berulang seperti mana apa yang berlaku pada hari ini ataupun dua, tiga, empat tahun yang lepaslah.

Jadi untuk menjawab Datuk Wira Pengerusi, keperluan untuk FELCRA memperoleh estet komersial itu masih lagi perlu. Okey, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pergi ke syor nombor lapan? Kalau tak ada, kita bagi laluan pada YB Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Yang syor sembilan ini ya. Berkaitan penambahbaikan pelantikan ALP ini. Untuk mohon penjelasan Datuk TKSP. Dalam sistem pelaporan MOF ini

maknanya satu kaedah baharu ataupun lama, saya tak pasti lah ya. Untuk maknanya, ALP ini yang daripada MOF ini dia boleh akses sistem GCAIS 2.0 ini. Dalam tempoh pelaksanaan sistem ini, sudah adakah maknanya pelaporan yang sampai ke dalam sistem ini yang telah pun maknanya antara *valid* untuk disiasat ataupun diambil tindakan oleh kementerian sendiri?

Keduanya, adakah maknanya MOF sendiri ada KPI ketika mana ada laporan yang masuk ke sistem ini dan bagaimana tindakan susulan yang akan diambil supaya maknanya ia memberi kesan langsung kepada proses pelaburan dan sebagainya dalam FELCRA ini sebenarnya. Mungkin juga saya ingat saya pun nak dapat maklumat adakah semua sistem ini di kementerian-kementerian lain yang ada perwakilan MOF ataupun hanya FELCRA.

Seterusnya, dari segi yang ketiganya. Isu yang kita bangkitkan sebelum ini juga maknanya ketika dalam ALP itu ada wakil MOF dan di sini pun makna disebut bahawa akan ada *due diligence* yang lebih ketat untuk pelantikan yang baharu. Jadi, apa benda atau apakah yang akan dilalui oleh MOF sendiri, *due diligence* yang ketat ini supaya tidak berulang lagi kes-kes sebelum ini ketika mana mungkin ALP daripada MOF itu dia gagal untuk membuat pelaporan awal ataupun yang tadi *early warning system* tadi itu untuk diambil tindakan dengan pantas oleh MOF sendiri. Terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: YB untuk soalan pertama, sistem GCAIS 2.0 ini adalah sistem dalaman MOF sendiri. Digunakan bagi tujuan wakil-wakil Lembaga Pengarah yang mewakili MOF yang menduduki semua syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan termasuklah GLIC dan juga CLBG. Yang mana ini merupakan satu medium perhubungan antara wakil ALP, wakil MOF bersama *desk officer* syarikat-syarikat yang berkaitan di MOF sekiranya terdapat isu yang dibangkitkan yang kami *term as red flag* lah dibangkitkan bahawa ini telah dibincangkan, terdapat kekhuatiran bahawa isu ini boleh menjadi satu elemen yang berpanjangan. Ini tujuannya kita adakan sistem ini untuk medium perhubungan.

Untuk makluman soalan yang kedua, dia digunakan dalam MOF sahaja sistem ini. Jadi yang ketiganya, pada masa tersebut ada wakil MOF dalam itu tetapi sekiranya dapat dilihat kembali prosiding yang lepas-lepas telah ada isu yang dibangkitkan dipanggil wakil MOF pada masa itu yang mana keputusan dibuat tanpa kehadiran wakil MOF pada ketika itu. Lagipun, tindakan macam dikatakan tadi aktif punya *decision making* lah yang kita buat, wakil MOF. Sebab itu, bagi kami kehadiran wakil MOF adalah penting bagi setiap mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah untuk *detection* isu-isu sebegini.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Tak ada soalan lagi. Ada apa lagi nak ini?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: Selesai.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Selesai. Okey.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: *Next slide.* Kena ada *next* lagi. Sekian, terima kasih Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Terima kasih. Kalau itu saya boleh pergi pada hal lain. Saya nak tanya. *[Ketawa]* Ada ini. Saya nak tanya. Saya ucapkan terima kasih lah pada untuk maklum balas bagi tindakan susulan itu. Cuma, saya nak tahu kebetulan FELCRA ada sini. Apa yang dah *I mean* yang status terkini menara Semarak kita? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: YB tanya FELCRA kah tanya MOF? *[Ketawa]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita tetap ingat, kita tetap ingat. Kita tak lupa. PAC tak lupa. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [MOF]: Saya bagi FELCRA jawab dulu, lepas itu MOF tambah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh, boleh.

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey, terima kasih kepada Datuk Wira Pengerusi dan semua Ahli-ahli PAC. Saya ingat kita pun ada *prepare* juga sedikit — *[Ketawa]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dah tahu ya. Dah tahu. *[Ketawa]*

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Okey. Berkaitan dengan status terkini — Slaid yang kedua. Okey, ini adalah Semarak 20. *Next.* Okey, di sini kami ingin menyatakan yang komitmen FELCRA terhadap pinjaman ke atas MOF iaitu pinjaman yang kami buat adalah sebanyak RM544 juta. Kalau tengok yang bawah sekali itu item nombor empat itu, 1.2(4), RM544 juta. Jadi, sehingga kini iaitu sehingga 15 Jun 2026, FELCRA telah membuat bayaran sebanyak keseluruhan pokok campur faedah sebanyak RM164 juta iaitu FELCRA mula membuat bayaran Januari 2024 hinggalah Jun 2026 ini tanpa gagal kepada MOF tiap-tiap bulan.

Ini adalah status bayaran balik pinjaman kepada MOF. *Next.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak ada *interest* kah? Ada bayar *interest*?

Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid [FELCRA]: Ya. Ini adalah termasuk *interest*. Pokok campur faedah itu. Faedah *five percent per annum*. Lima peratus yang dikenakan kepada FELCRA. Kalau kita lihat sini pokok RM88 juta, faedah

RM76 juta. Jadi, total RM164 juta dan daripada pinjaman RM544, *principal* RM544. *Interest* RM245 juta. Okey, ini adalah status pembayaran.

Next. Okey yang ini saya minta Encik Azam.

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Terima kasih YB Pengerusi. Untuk makluman, kita telah menerima beberapa tawaran. Kalau tengok di Jadual itu 37 yang bawah sekali itu menandakan dah ada 37 tawaran yang kami terima. Cuma, dari segi penerimaan masih lagi belum mendapat wang cagaran.

Baru-baru ini, beberapa bulan yang lepas Kementerian Ekonomi telah menaikkan had *bumiputera equity* di dalam aset yang kita nak jual daripada 30 peratus asalnya kepada 50 peratus. So, banyak rundingan yang kami telah sedang berjalan pada waktu itu disemak semula kerana adanya had baru iaitu 50 peratus ekuiti bumiputera.

■1640

Walau bagaimanapun, kami tetap meneruskan perbincangan dengan bakal-bakal pembeli.

Item kedua adalah cadangan yang ada dikemukakan semasa prosiding yang lalu iaitu jualan kepada MINDEF. Yang terbaru, ketiga, PDRM ada menyatakan minat untuk membeli dan telah mengadakan lawatan tapak pada bulan lepas. Masih dalam peringkat perbincangan. Buat masa ini, masih lagi diteruskan penjualan secara *en bloc* kerana sekiranya kita buat jualan runcit sewaktu kita cuba untuk menjual *en bloc*, nanti dia akan ada berlaku pertindihan dan kesukaran.

So, masih lagi diberi tempoh kepada FELCRA oleh lembaga pengarah untuk meneruskan *en bloc* dan kami begitu memberi tumpuan kepada had ekuiti bumiputera baru iaitu 50 peratus. Cadangan kami mungkin FELCRA terpaksa menulis kepada Kementerian Ekonomi untuk mendapat *at least* kelonggaran, setidak-tidaknya kepada tahap had yang lama iaitu 30 peratus. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tampin ada apa nak tanya ke?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey, bila pematuhan 50 peratus ekuiti bumiputera ini dia akan menjejaskan nilai harga bangunan tersebut, kan? Adakah ini akan menjejaskan? Kalau nilai semasalah untuk kedua-dua blok Semarak20 ini, adakah nilai dia akan berubah ataupun nilai bertambah sekarang ini?

Satu lagi, bila kita lambat jual, sudah tentu kos — setiap bulan dia ada kos dia, kan? So, yang itu pun saya tak tahulah berapa banyak kos yang terlibat yang akan mengakibatkan duit FELCRA akan sentiasa mengalir.

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Okey, ekuiti 50 peratus sebenarnya tiada impak *direct* kepada — secara langsung kepada nilai aset Semarak20. Manakala kos setiap bulan, FELCRA sebenarnya cuba untuk mengurangkan kos setiap bulan tetapi ia menjadi satu keperluan untuk membuat penyelenggaraan tiap-tiap bulan. Kalau tidak, *value* ataupun nilai aset itu akan terjejas. So, yang saya katakan di awal sesi tadi, sekitar RM200,000 sebulan adalah sebahagian daripada *effort* kita untuk mengekalkan nilai pelaburan kita di dalam Semarak20 lah. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: MINDEF itu dia beli untuk buat apa? Pejabat kah?

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Ya. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya lah, tanya sahaja dan PDRM — kerana PDRM yang saya tahu ialah ramai pegawai polis yang *lower ranking* itu, mereka memang nak cari — tak dapat cari rumah yang sesuai dan dekat dengan — *so, it's good that* kalau ini jadi hostel kepada pegawai polis.

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: YB Seputeh, tepat sekali. PDRM melihat dari segi kuarterslah, keperluan kuarters dan juga pejabatlah. Ada juga dinyatakan oleh MINDEF yang keperluan kuarters menjadi keutamaan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sikit. Saya — dari segi pelan mitigasi ini, dia adakah ada *timeframe* dia? Bila yang maknanya akan ada tarikh penamat kepada jualan *en bloc* ini? Maksudnya, perlu juga — sebab dia prosesnya dulu kita jual cara pukal, runcit kan, lepas itu kita *en bloc*. Lepas itu, adakah nak pusing balik untuk runcit atau kita nak teruskan macam mana? Itu penting juga dan nak diketahui.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Soalan susulan. Berkaitan hal yang sama.

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Terima kasih. Terima kasih, YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Sat, sat, sat.*

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Soalan berkaitan yang sama. Itulah. Maknanya, daripada awal dulu pun, prosiding kita awal-awal itu pun ada mengatakan bahawa kita akan strategi untuk *en bloc* dulu, kalau tak dapat, kita pergi runcit. Hari ini, akhir bulan Jun ini, kita dengar benda yang samalah, strategi yang sama. Dah bertahun rasanya ya. Jadi, kalau strategi ini masih atas meja, tapi masih tidak nampak dekat mana di penghujungnya. Itu yang satu perkaralah.

Yang keduanya, berkenaan dengan PDRM itu. Rasa saya, kita kalau tak silap saya, ingat dia nak jual unit dekat situ RM1 juta lebih ya *dak*? Jadi, kalau RM1 juta

lebih satu apartmen itu, pegawai apa nak jadi hostel, PDRM kena fikir banyak kali lagi sebelum buat keputusan itulah. *[Ketawa]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sekarang berkaitan juga. Kita jawab sekali ya, sekali lagi. Nanti jawab sekali ya. Okey, dalam proses — maknanya *marketing* ini, yang gagal di peringkat awal mengenai pukal dan runcit ini, ada mungkin ditemuilah ya punca-punca dia itu kita gagal jual secara runcit ya. Adakah dari segi harga, lokasi dan sebagainya? Itu mesti saya ingat FELCRA tahun benda itu.

Adakah FELCRA juga melihat pemaju-pemaju yang lain, banyak di KL ini ya. Dia orang bina-bina, sampai macam-macam, *non-stop* ya. Mah Sing. *Sorry*-lah kalau sebut ya, ini Chin Hin apa semua itu. Jadi, kenapa dia orang itu sangat laju ya? Jadi, mungkin ada yang boleh dipelajari oleh FELCRA sendirilah. Terima kasih.

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Okey, terima kasih YB. Ya, di Mesyuarat Lembaga Pengarah FELCRA Berhad ada dibincang fasal bila tarikh akhir penjualan *en bloc* ini. Dalam perbincangan yang lepas — sebab dalam pembentangan saya awal bulan ini, sudah 30 bulan, ini adalah bulan yang ke-30. So, ada saranan bahawa 36 bulan patut menjadi tarikh akhir. So, FELCRA Properties Sdn. Bhd. akan membentangkan strategi *moving forward* sekiranya *en bloc* sudah tamat tempoh. So, yang ini akan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya, berapa peratus kah kebarangkalian (*probability*) sama ada MINDEF atau polis yang menyatakan minat itu, yang nak beli betul itu, agak-agak berapa peratus?

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: *[Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *These are all en bloc*, kan? Polis itu pun *en bloc*, kan?

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Yang itu saya tak boleh nak *quantify* dalam bentuk peratuslah. Cuma kita terbuka kepada pembida-pembida lain daripada swasta pun. Yang terbaru, kalau tengok B37 itu daripada negeri Pahang. Mungkin syarikat swasta boleh mengguna pakai Semarak20 untuk tujuan mereka yang lebih baiklah. So, bagi kita, kita terbuka. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: “*Mohon sokongan dari Pejabat Diraja Negeri Pahang.*” Itu apa maksud itu? Nota?

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: YB, terima kasih. Bila kita...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Mohor ke mohon?

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Mohon, mohon.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Ketawa]*

Encik Azam Azi bin Rusdi [FELCRA]: Ya, mohon. Minta maaf ya, *“Mohon sokongan dari Pejabat Diraja Negeri Pahang.”* Bila kita berbincang dengan bakal pembeli, alasan atau justifikasi yang digunakan, kenapa dia memerlukan masa sedikit ialah untuk memohon sokongan daripada Pejabat Diraja Negeri Pahang. So, kita masih menunggulah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right*, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas penjelasan daripada pihak FELCRA dan selesai sudah prosiding kita pada petang ini. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Datuk Hajah Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad. Saya difahamkan baru sahaja pulang daripada mengerjakan haji... *[Dicelah]* dan hari pertama bekerja dah masuk ke PAC. *Masya-Allah. [Tepuk]*

Terima kasih Datuk Hajah. Kita amat berbesar hati dan *alhamdulillah* nampak sihat ya. Kan? Dan mewakili Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, KSP dan seterusnya Yang Berbahagia Dato’ Dr. Roslan bin Mahmood, TKSU KKDW yang mewakili Yang Berbahagia Dato’ Sri Suriani binti Dato’ Ahmad. Dato’ Suriani ada menelefon saya. Sampaikan salam saya pada dia. Dan seterusnya pada Yang Berbahagia Encik Mohamed Ismi bin Abdul Majid, CEO FELCRA dan semua pegawai-pegawai yang terlibat. Terima kasih di atas kerjasama dan juga penjelasan yang diberikan.

Untuk itu, kita tangguh pada jam 4.50 petang. Saya mohon Jawatankuasa PAC tunggu sebentar kerana kita ada lagi satu verifikasi, prosiding verifikasi. Sekejap je. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.51 petang]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac